Syair Ken Tambuhan

Halaman permulaan *Syair Ken Tambuhan* naskhah Leiden Cod. Or. 1997 yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, yang digunakan oleh Pengkaji dalam buku ini. Menurut keterangan yang tercatat, cerita ini siap disalin di Kampung Melayu, Negeri Makasar pada 23 Rejab tahun 1256 Hijrah, bersamaan 20 September 1840 Masihi. Tiada petunjuk tentang nama pengarang atau penyalin.

Syair Ken Tambuhan

Dikaji dan diperkenalkan oleh

NORIAH MOHAMED

MARIYAM SALIM

WAHYUNAH ABD. GANI

Ketua Editor

HASSAN AHMAD

Terbitan Bersama
Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2002

1155252

PROJEK KARYA AGUNG YAYASAN KARYAWAN

Cetakan Pertama 2002

© *Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka 2002*

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa-apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain untuk tujuan diterbitkan dalam bentuk edisi popular, edisi pelajar, edisi kanak-kanak, edisi komik, edisi video, CD-ROM, dan sebagainya kecuali setelah mengadakan perundingan dan mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor Yayasan Karyawan di alamat Lot 14 & 15, Paras 3, Blok G (Utara), Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia, dan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada syarat-syarat yang dipersetujui bersama.

Perpustakaan Negara Malaysia *Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan*

Noriah Mohamed, 1944-
Syair Ken Tambuhan / dikaji dan diperkenalkan oleh Noriah Mohamed, Mariyam Salim, Wahyunah Abd. Gani ; ketua editor Hassan Ahmad.
Mengandungi indeks.
Bibliografi: ms. 243-246.
ISBN 983-9510-09-6
1. Syair Ken Tambuhan--Criticism, Textual. 2. Malay poetry--History and criticism. I. Mariyam Salim, 1953- II. Wahyunah Abd. Gani, 1955- III. Hassan Ahmad, Dato', 1936-. IV. Judul.
899.23109S

Buku ini dicetak menggunakan kertas Long Life 80 *gsm bebas asid tahan lama dan dijilid dengan kulit* Bonded Leather.

Dicetak oleh
Art Printing Works Sdn. Bhd.
29, Jalan Riong
59100 Kuala Lumpur
Malaysia

M

M
899.231095
NOR

1128325

ISBN 983-9510-09-6

30 OCT 2003

Perpustakaan Negara Malaysia

Kandungan

Catatan Ketua Editor **vii**

Latar Belakang Pengkaji Teks **ix**

Singkatan **xi**

Pengenalan **xiii**

Syair Ken Tambuhan (Transliterasi) **1**

Catatan Teks **229**

Takrif Kata **233**

Bahan Rujukan **243**

Indeks **247**

Faksimile Syair Ken Tambuhan
Versi Leiden Cod. Or. 1997,
DBP MK 0040 Cod. Or. 3375 **251**

Catatan Ketua Editor

Dengan terbitnya Syair Ken Tambuhan ini maka bertambahlah sebuah lagi karya agung dunia Melayu yang diterbitkan oleh Yayasan Karyawan. Karya ini termasuk dalam jenis hikayat atau cerita panji yang dikarang oleh sasterawan berbahasa Melayu dahulu kala dalam bentuk syair. Kebanyakan cerita panji dikarang dalam bentuk prosa. Melalui bentuk puisi syair ini para pembaca hari ini dapat menyaksikan kekuatan daya kreatif pengarang berbahasa Melayu dahulu kala menggunakan bahasa Melayu untuk mengungkap makna yang mendalam, indah, estetik dan simbolik dengan pelbagai tema kehidupan manusia sejagat: tentang percintaan, tentang perjuangan dan pengorbanan manusia untuk mencapai cita-cita dan hajat hatinya, tentang moral manusia, tentang kuasa dan keadilan, dan sebagainya.

Walaupun cerita panji berasal dari Tanah Jawa, temanya dapat merentas sempadan etnik dan budaya setempat, dan ini dimungkinkan oleh wujudnya di kawasan yang disebut "dunia Melayu" atau sekarang biasa disebut "Dunia Melayu-Indonesia" ini suatu bahasa yang telah mencapai taraf sebagai bahasa supraetnik sejak ratusan tahun lamanya, iaitu bahasa Melayu. Melalui bahasa inilah kebanyakan karya agung di rantau ini, tidak kira dari daerah mana asalnya, baik di Sumatera (di Aceh, misalnya), baik di Makasar, baik di Semenanjung Tanah Melayu, mahupun di Jawa, dapat tersebar luas di seluruh kawasan ini. Syair Ken Tambuhan ini dapat kita anggap sebagai salah satu karya yang mewakili tamadun supraetnik dunia berbahasa Melayu ini.

Yayasan Karyawan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak,

terutama para Pengkaji karya ini, yang terlibat dalam usaha menyediakan edisi terbaharu karya Syair Ken Tambuhan *ini.*

Dato' Dr. Hassan Ahmad
31 Julai 2002

Latar Belakang Pengkaji Teks

NORIAH MOHAMED memperoleh ijazah Ph. D dari Universiti Malaya pada tahun 1991. Beliau banyak menulis kertas kerja yang menjurus kepada kesusasteraan Melayu tradisional dan Jawa yang dibentangkan dalam seminar di dalam dan di luar negara. Antara hasil usaha beliau yang telah diterbitkan ialah *Hikayat Panji Semirang* (peny.) (1992), *Jayengbaya: Memahami Pemikiran Orang Jawa* (1993), *Kamus Filologi* (penyusun bersama) (1995), *Jawa di Balik Tabir* (2000); dan karya terbaharu yang sedang diusahakan ialah *Syair Sultan Abu Bakar*. Kini beliau bertugas sebagai Felo Penyelidik Kanan di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga aktif dalam kegiatan persatuan penulis dan badan kebudayaan, dan telah dilantik sebagai Karyawan Tamu Yayasan Warisan Johor sejak tahun 2001 hingga kini. Dr. Noriah banyak menerima penganugerahan daripada pelbagai pihak, antaranya Hadiah Penerbit UKM 1993, Hadiah Penghargaan Buku MBKM 1994, Medali Kridha Budaya Surakarta 1995, Hadiah Terpuji UKM 1995, Pemenang Esei dan Kritikan DBP 1998, Pingat Setia Mahkota Selangor (SMS) 1999, dan Pingat Peringatan Pushkin 1999 dari Universiti Moskow, Rusia.

MARIYAM SALIM berkhidmat sebagai Pegawai Perancang Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka sejak tahun 1978, dan kini bertugas di Bahagian Kesusasteraan Tradisional, Jabatan Sastera. Sepanjang perkhidmatannya beliau telah banyak menjalankan

penyelidikan yang mengkhusus bidang sastera Melayu tradisional. Antara hasil kerjanya yang telah diterbitkan ialah *Sastera Undang-undang* (pengkaji bersama Dr. Abu Hassan Sham (DBP, 1995)). Mariyam juga penerima Anugerah Khidmat Cemerlang DBP pada tahun 1996.

WAHYUNAH ABD. GANI telah bertugas selama 18 tahun sebagai Pegawai Perancang Bahasa di Bahagian Kesusasteraan Tradisional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka. Hasil kerjanya yang telah diterbitkan ialah *Hikayat Tamim al-Dari* (peny.) (DBP, 1989) dan *Panduan Kosa Kata Sastera Klasik* (DBP, 1991).

Singkatan

DBP	–	Dewan Bahasa dan Pustaka
JMBRAS	–	*Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Singapore–Kuala Lumpur
MBKM	–	Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
SOAS	–	School of Oriental and African Studies, University of London
UKM	–	Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan

Syair Ken Tambuhan ini pertama kali dikaji dan diselenggarakan oleh A.Teeuw, dan diterbitkan oleh Oxford University Press pada tahun 1966. Naskhah tersebut sedikit sebanyak dapat membantu pelajar sastera dan masyarakat umum yang berminat untuk mengenali cerita-cerita panji terutama yang ditulis dalam bentuk syair. Dalam kajian ini Pengkaji menggunakan naskhah daripada versi yang berlainan, iaitu yang didapati dari Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (MK 0040) dengan Cod. Or. 3375. Naskhah yang mengandungi 168 halaman ini bertulisan terang dan mudah dibaca. Naskhah ini sebenarnya salinan fotografi daripada naskhah Leiden dengan nombor rujukan asalnya Cod. Or. 1997.

Naskhah Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka

Naskhah ini menggunakan huruf Jawi tulisan tangan dengan halaman pertama bertulis *Bibliotheca Academiae Lugduno-Batava* (bahasa Latin yang bermakna Perpustakaan Universiti Leiden) di bahagian atas dan di bahagian bawahnya tertulis Cod. Or. 1997. Pada halaman seterusnya, iaitu di halaman tanpa nombor, tercatat penerangan seperti yang berikut:

> Bahwa ini suatu *Syair Ken Tambuhan*, suatu cerita juga daripada keturunan raja-raja Jawa, anaknya oleh Ratu Kuripan dengan Ratu Daha. Demikianlah adanya. Tersalin

> dengan bahas[y]a Melayu Jawi tertera di dalam negeri Mangkas[y]ari bilad Kampung Melayu kepada tiga likur hari bulan Rejab, pada hari Arba'a tarikh 1256 Sanat al-Ba', adanya.

Jadi, menurut keterangan di atas, naskhah ini siap disalin atau disusun pada 23 Rejab tahun 1256 Hijrah bersamaan 20 September 1840. Menurut Teeuw (1966), *Ken Tambuhan* disyairkan berdasarkan sebuah cerita panji. Nama-nama lain cerita ini ialah *Hikayat Undakan Penurat*, *Hikayat Cerita Radin Menteri* (SOAS MS 174239), dan *Hikayat Indar Kin Penurat*. Versi hikayat ini dalam bentuk syair diberi nama *Syair Ken Tambuhan* (lihat Amin Sweeney, 1972; Ricklefs dan Voorhoeve, 1977: 117 dan 167; Drewes, 1977: 227–228).

Menurut keterangan tersebut juga tampak bahawa naskhah ini ditulis di Kampung Melayu di negeri Makasar. Perkataan *Mangkas[y]ari(?)* merujuk orang yang berasal dari Makasar, dan perkataan *bilad* berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud *negeri*. Menurut Teeuw (1966) naskhah asal syair ini mungkin ditulis di Palembang.

Nama pengarang atau penyalin naskhah ini tidak diketahui. Hal ini memang lazim berlaku dalam tradisi penulisan atau penciptaan karya Melayu kerana pada waktu itu sesebuah karya dianggap kepunyaan atau warisan bersama masyarakat dan tidak ada apa-apa larangan atau undang-undang untuk menyekat sesiapa sahaja menyalin karya (naskhah) itu atau menuliskannya kembali. Isu penciplakan hak cipta tidak wujud pada ketika itu. Dengan demikian, tidaklah menghairankan jika terdapat pelbagai versi atau salinan daripada cerita atau naskhah asal, seperti yang terdapat pada naskhah *Hikayat Seri Rama* atau naskhah-naskhah yang lain. Kepelbagaian versi ini menunjukkan betapa penyalin Melayu sekali gus menjadi pengarang dengan menambah banyak karya versi baru dan ini tentunya dapat memperkaya khazanah dan warisan persuratan bangsa. Terserah kepada khalayak untuk mencari kesahihan sesebuah naskhah itu.

Tentang pentarikhan naskhah, terdapat suatu unsur yang menarik. Penggunaan perkataan *tiga likur* dan tidak *dua puluh tiga* dapat dijadikan bukti lagi bahawa karya ini memang berasal daripada bahasa Jawa dan pastinya pengarang Jawa mempunyai

wawasan yang sama dalam penampilan ceritanya.

Dengan adanya perkataan *arba'a* yang bermaksud *empat*, kita mendapat maklumat bahawa masyarakat Melayu ketika itu sudah menerima Islam dan sudah menyerap nilai dan pengaruh Islam dalam kehidupan mereka walaupun cerita yang disalin kembali tidak menampakkan ciri-ciri keislaman. Penyalin/pengarang tentu menyedari akan apa yang dilakukannya: yang dipentingkannya barangkali bukan pengajaran Hindu Jawa tetapi hal-hal yang menyangkut kehidupan manusia yang berlandaskan cinta dan kasih sayang. Tema sejagat ini tidak dinafikan wujud dalam cerita lipur lara Melayu; yang membezakannya hanyalah nama-nama watak dan wilayah yang melatari cerita tersebut.

Naskhah yang diteliti ini mengandungi 168 halaman. Beberapa halaman, misalnya halaman-halaman 7, 8, dan 108, telah hilang. Kesahihan sesuatu halaman dapat diurut melalui perkataan yang tertera di bahagian kiri bawah sebagai satu cara untuk menunjukkan perkataan yang tertentu digunakan pada halaman berikutnya. Misalnya, pada halaman 1 bawah kiri ditulis perkataan *diatur* dan perkataan *diatur* inilah yang menjadi perkataan pertama pada halaman 2. Namun demikian, penyalin tidak konsisten dengan cara ini kerana terdapat banyak halaman yang tidak mempunyai penerangan seperti itu.

Setiap halaman mengandungi 21 baris dan mengungkapkan sebanyak 10.5 rangkap. Contohnya pada halaman 1 baris terakhir dituliskan seperti yang berikut:

> Diperbuatnya balai empat puluh ruang,
> Ditunggu semua tidak yang kurang,

Dua rangkap seterusnya dituliskan pada halaman 2. Penulisan syair tidak ditulis empat baris sebagaimana kebiasaan, malahan ditulis untuk memenuhi dua baris dengan rangkap pertama dan kedua saling bertentangan (lihat naskhah asal yang disertakan). Halaman terakhir, iaitu halaman 168, mengandungi 1.5 rangkap syair sahaja: ini bermakna bahawa hanya 3 baris bertentangan sahaja yang dimuatkan.

Ejaan Jawi yang digunakan dalam naskhah ini (dan dalam banyak naskhah Melayu lama yang lain) amat berbeza dengan sistem ejaan Jawi yang digunakan sekarang. Sistem ejaan Jawi hari ini menitikberatkan penggunaan huruf vokal untuk mengeja

perkataan Melayu, misalnya perkataan *kuntum* ditulis *k-u-n-t-u-m* sedangkan dalam naskhah yang diteliti ini perkataan yang sama dieja *k-n-t-m*, iaitu lebih menggunakan *fatahah*, *kasrah* dan *dammah*.

Kewajaran *Syair Ken Tambuhan* Sebagai Karya Agung Melayu

Walaupun naskhah ini kehilangan beberapa halaman seperti halaman 7, 8, dan 108, namun ia dapat dijadikan sampel yang amat berharga untuk membuktikan bahawa penyalin Melayu mempunyai daya kreativiti yang amat tinggi untuk melahirkan sebuah penulisan yang lebih panjang dan bersesuaian dengan tujuan dan keadaan penghasilan naskhah tersebut. Gabungan antara unsur-unsur Jawa dengan Melayu setempat telah melahirkan suatu bentuk naskhah yang indah. Daripada pencernaan inilah lahir beberapa keistimewaan yang dapat dijadikan bukti bahawa naskhah *Syair Ken Tambuhan* ini layak diterima sebagai salah sebuah karya agung warisan Melayu, berdasarkan idea, keindahan bahasa yang digunakan, dan mesej yang cuba diterapkan walaupun mesej ini tidak dipaparkan secara terang.

Pembaca/khayalak seharusnya menyedari bahawa fenomena dalam penulisan terutama dalam kesusasteraan Jawa (naskhah ini dipercayai berasal daripada cerita Jawa) tidak dapat tidak, sering mengandungi tujuan untuk menyampaikan mesej kepada pembaca secara halus dan samar-samar. Pendekatan ini samalah dengan pagelaran wayang purwa atau wayang kulit. Pembacalah yang seharusnya dapat menyelami dan menghayati makna di sebalik penulisan dalam cerita itu. Bertolak daripada tanggapan ini maka Pengkaji akan mencuba mengolah naskhah *Syair Ken Tambuhan* ini dari sudut pralambangnya. Ini akan dilakukan pada bahagian akhir Bab Pengenalan ini.

Kerangka Naskhah *Syair Ken Tambuhan*

Pada dasarnya *Syair Ken Tambuhan* mempunyai pelbagai versi yang memperlihatkan beberapa banyak variasi dalam bentuk cerita, tetapi tetap mengekalkan tema yang sama, iaitu percintaan antara Raden Panji atau Raden Inu Kertapati dengan Ken Tambuhan atau Raden Galuh Cendera Kirana. Nama-nama tokoh

ini sering berubah mengikut tempat yang melahirkannya. Misalnya di Thailand, Inu dikenali sebagai Inau, sedangkan Galuh disebut Bossaba. Namun walau apa pun nama yang digunakan, peminat dan pengkaji cerita-cerita panji masih dapat mengelompokkan cerita ini ke dalam kerangkanya yang sebenar kerana cerita-cerita panji mempunyai ciri-ciri yang khusus, dan berbeza pula dengan cerita lipur lara atau cerita-cerita lain di Nusantara.

Kerangka cerita-cerita panji yang paling ketara terletak pada empat buah negeri iaitu Kuripan, Daha, Gagelang, dan Singasari yang terdapat dalam cerita ini tanpa memisahkan dua watak utama yang menjadi tunjang kepada cerita-cerita panji. Ciri-ciri lain yang mendasari cerita-cerita panji terletak pada kisah percintaan, pengembaraan, penjelmaan, penyamaran, peperangan, dan kegembiraan pada akhir cerita.

Dalam *Syair Ken Tambuhan* hasil kajian dan selenggaraan A. Teeuw, ceritanya tidak begitu panjang seperti yang terdapat dalam naskhah Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka kerana naskhah selenggaraan beliau hanya berkisar pada dua watak utamanya sahaja dan tidak menyentuh langsung watak anak yang mereka berdua peroleh selepas mereka dihidupkan kembali. Sebagai bahan perbincangan, wajar diberikan juga sinopsis naskhah selenggaraan A. Teeuw di samping sinopsis naskhah Koleksi DBP yang dikaji dan diperkenalkan ini. Pemaparan ini akan memperlihatkan bahawa naskhah Koleksi DBP ternyata amat menarik kerana ceritanya telah ditokok tambah dengan beberapa unsur yang lumrah terdapat dalam cerita lipur lara Melayu, misalnya tentang kisah wira mencari makanan yang diidami si isteri. Dalam *Syair Ken Tambuhan* ini Raden Panji terpaksa keluar mencari buah pauh janggi yang amat sukar diperoleh.

Naskhah Koleksi DBP bukan sahaja memaparkan senario kegembiraan pada ketika Raden Panji dan Ken Tambuhan dihidupkan kembali tetapi keadaan ini tergambar juga pada pertemuan antara anak dengan ayah serta seluruh anggota keluarga. Di sini naskhah Koleksi DBP memperlihatkan bagaimana cerita panji yang berasal dari Jawa telah diwarnai dengan unsur-unsur Melayu setempat terutama daripada cerita-cerita lipur lara sehingga khayalak pembaca/pendengar tidak akan berasa apa-

apa keganjilan. Hal ini membuktikan bahawa penyalin Melayu mempunyai kebolehan kreatif untuk melakukan penyesuaian pada ceritanya, sesuai dengan selera dan penerimaan khalayak setempat.

Penyampaian cerita-cerita panji melalui puisi, iaitu dalam bentuk syair, mungkin menambahkan minat khalayak setempat terhadap cerita ini. Penulisan cerita-cerita panji dalam bentuk syair begitu kurang jika dibandingkan dengan penulisannya dalam bentuk prosa. Hal ini dapat dilihat daripada senarai yang dipaparkan oleh Harun Mat Piah dalam bukunya, *Cerita-cerita Panji Melayu*.[1] Dalam senarai tersebut kebanyakan judul cerita-cerita panji bermula dengan kata "Hikayat" dan ini menunjukkan bahawa cerita itu ditulis dalam bentuk prosa, manakala yang berbentuk puisi ditulis dengan kata "Syair" pada awalnya seperti:

Syair Ken Tambuhan
Syair Panji Semirang
Syair Jaran Tamasya
Syair Lelakon Misa Kumitar
Syair Angreni
Syair Panji

(Harun Mat Piah, 1980: 191–196)

Pembentukan Syair

Walaupun syair tergolong ke dalam bentuk puisi terikat yang memerlukan syarat-syarat tertentu tetapi bentuk ini dianggap paling sesuai untuk memaparkan sesebuah cerita. Justeru itulah segala cerita yang berbentuk panjang semuanya ditulis dalam bentuk syair (Ali Ahmad, 1978: 67). Syair tidak memerlukan pembayang seperti pantun, tetapi sekadar mempunyai rima (*a*, *a*, *a*, *a*) pada akhir setiap baris.

Syair dalam *Syair Ken Tambuhan* begitu indah kerana menggunakan kata-kata yang dipilih khusus untuk mewakili gambaran yang realistik, sehingga Winstedt menyatakan:[2]

> *Here ... we get a note of joy and beauty never again recaptured in Malay literature.*
>
> (Teeuw, 1966: xxxv)

Keindahan syair ini menyilaukan pandangan de Hollander

sehingga mendorong beliau untuk menganggap genre ini begitu indah terutama dalam menampilkan kewajaran pengungkapan atau ekspresinya, ketepatan frasanya, kemurnian dan kesederhanaan bahasanya.

Kata-kata Hollander[3] ini disetujui oleh Klinkert sehingga beliau beranggapan bahawa kedudukan dan keindahan syair lebih baik daripada puisi Jawa. Teeuw tidak menyebelahi mana-mana pihak, hanya sekadar menyebut:

> Perbandingan nilai antara puisi Melayu dan Jawa di sini saya biarkan sahaja. Tetapi penghargaan positif Klinkert saya setuju.
>
> (Teeuw, 1966: xxxv)

Para orientalis Barat begitu mengagumi *Syair Ken Tambuhan* kerana keindahan kata-kata yang digunakan. Hal ini mungkin ada kebenarannya sebagaimana contoh di bawah ini:

> Ken Tambuhan pun sudah berhias,
> Berkampuh pula jingga pengawas,
> Berkemban kesumba diantelas,
> Ditulis dengan air emas.
>
> Berkamar ikat Melayu,
> Bersubang lontar perbuatan bayu,
> Indahnya tidak dapat dipayu,
> Segala yang memandang hairan termangu.
>
> (Naskhah Koleksi DBP: 3/9)

Daripada dua rangkap ini dapat dilihat bahawa pencipta *Syair Ken Tambuhan* mencuba seupaya mungkin mencari kesesuaian kata-kata untuk mendapatkan kesamaan rima di hujung. Pemilihan kata yang sesuai ini telah dapat memenuhi salah satu syarat penciptaan syair. Dengan penggunaan syair juga sesuatu cerita dapat dipaparkan secara lancar dan pembaca dapat merasakan keindahan bahasa yang terungkap dalam rangkap-rangkap tersebut.

Mungkin itulah yang menyebabkan Hollander dan Klinkert menyanjung tinggi keindahan syair. Sungguhpun demikian, Teeuw lebih bersikap tidak memihak untuk menyatakan syair lebih baik daripada puisi Jawa.[4] Pada dasarnya syair dan puisi Jawa mempunyai keindahannya yang tersendiri. Jika dibandingkan

dengan puisi Jawa, syair lebih mudah dicipta bagi menyampaikan sesuatu cerita. Apa yang perlu ialah rima di hujung pada setiap empat baris harus sama. Kalau misalnya pada akhir setiap baris bunyi *as* diperlukan maka seboleh-bolehnya pencipta/pengarang akan mencuba mencari kata-kata yang berakhir dengan *as* ataupun yang berakhir dengan *s* di hujung seperti (*pas*, *was*, *kas*) dan sebagainya.

Manakala dalam puisi Jawa, terutama yang berkaitan dengan *tembang macapat*, keadaan strukturnya jauh berbeza daripada syair. Mencipta *tembang macapat* bukan suatu kerja yang mudah kerana syarat-syarat tertentu yang lebih banyak daripada syair diperlukan. *Tembang macapat*[5] terdiri daripada beberapa jenis sehinggakan setiap jenis mempunyai namanya yang tersendiri seperti:

Bil.	Gatra	I	II	III	IV	V	VI	VII	VIII	IX	X
1.	Kinanthi	8-u	8-i	8-a	8-i	8-a	8-i	-	-	-	-
2.	Pucung	12-u	6-a	8-i	12-a	-	-	-	-	-	-
3.	Asmaradana	8-i	8-a	8-e	8-a	7-a	8-u	8-a	-	-	-
4.	Mijil	10-i	6-o	10-e	6-i	6-u	-	-	-	-	-
5.	Masku-mambang	12-i	6-a	8-i	8-a	-	-	-	-	-	-
6.	Pangkur	8-a	11-i	8-u	7-a	12-u	8-a	8-i	-	-	-
7.	Sinom	8-a	8-i	8-a	8-i	7-i	8-u	7-a	8-i	12-a	-
8.	Dhandhang-gula	10-i	10-a	8-e	7-u	9-i	7-a	6-u	8-a	12-i	7-a
9.	Durma	12-a	7-i	6-a	7-a	8-i	5-a	7-i	-	-	-
10.	Gambuh	7-u	10-u	12-i	8-u	8-o	-	-	-	-	-
11.	Megatruh-Duduk-Wuluh	12-u	8-i	8-u	8-i	8-o	-	-	-	-	-
12.	Balabak	12-a	3-e	12-a	3-e	12-a	3-e	-	-	-	-
13.	Wirangrong	8-i	8-o	10-u	6-i	7-a	8-a	-	-	-	-
14.	Jurudemung	8-a	8-u	8-u	8-a	8-u	8-a	8-a	-	-	-
15.	Girisa	8-a	8-a	8-a	8-a	8-a	8-a	8-a	8-a	-	-

Selain itu tembang harus akur kepada guru wilangan, guru lagu dan gatranya yang kadangkala memerlukan teknik baliswara atau kebalikan kata-kata sebagai syarat untuk mencapai rima

bunyi hujung yang dikehendaki. Jika pada akhir baris *u* diperlukan maka seupaya mungkin penciptanya akan mengubahsuai kata-kata yang ingin digunakan sehingga bunyi *wis* yang bermakna *sudah* sering bertukar menjadi *wus*.

Penggunaan *purwakanthi*[6] juga diperlukan untuk membentuk sesebuah tembang. Dengan adanya purwakanthi, pembaca/khayalak akan dapat merasa sentuhan keindahan kata-kata itu seperti yang terdapat dalam baris pertama rangkap pertama *Panji Jayeng Tilem*:

Rarasing tyas sanityasa tistis

Pembaca dapat merasai bunyi *s* dan *t* saling bertukar sehingga dapat dirasai suatu irama yang menyegarkan.

Setiap tembang juga mempunyai iramanya yang tersendiri dan tidak dapat dilagukan mengikut cara yang sama, melainkan harus dinyanyikan menurut rentak dan nada yang sudah ditetapkan. Berbanding dengan pantun, ia dapat ditampilkan dengan berbagai-bagai irama, sama ada joget atau asli. Namun syair sering ditampilkan dengan menggunakan rentak syair yang lumrah.[7]

Dengan perbandingan sepintas lalu ini, wajarlah Teeuw tidak melibatkan dirinya untuk menyokong pendapat Klinkert dan nyatalah beliau memahami kedua-dua genre ini dari sudut yang berbeza.

Penggunaan Bahasa Jawa

Dalam *Syair Ken Tambuhan* banyak sekali ditemui kata-kata Jawa. Pengarangnya mungkin menganggap hal ini wajar. Dengan menggunakan kata-kata Jawa, pengarang *Syair Ken Tambuhan* dapat menggambarkan sesuatu perkara secara tepat, ataupun untuk mendapatkan rima hujung yang sesuai. Sebagai contoh:

Datanglah kepada tujuh hari,
Raden *melungguh* laki isteri,
Sukanya sangat Raden Menteri,
Warna mukanya berseri-seri.

Tiada berbanding rasanya hati,
Bujuk dan cumbu tiada berhenti,

Aria ningsun emas sekati,
Tidaklah ada bandingnya lagi.
(Naskhah Koleksi DBP: 25/7)

Daripada petikan dua rangkap syair di atas, dua perkataan Jawa digunakan, iaitu *melungguh* dan *aria ningsun*. *Melungguh* bermakna *duduk*, manakala *aria ningsun* bermakna *adikku*. Kedua-dua perkataan Jawa ini tidak menjejaskan bentuk syair yang digubah kerana kedua-dua perkataan tersebut tidak terletak di hujung baris. Di sini mungkin penyalin/pengarang ingin menunjukkan bahawa *Syair Ken Tambuhan* berasal dari Jawa dan mungkin dengan memasukkan perkataan Jawa dapat dibuktikan bahawa pengarang bukanlah terdiri daripada sembarangan orang malahan dia adalah orang yang berilmu dan mahir dengan bahasa yang digunakan. Penggunaan bahasa Jawa juga mungkin bertujuan untuk mengindahkan lagi syair itu.

Banyak kata Jawa digunakan dalam syair naskhah Koleksi DBP, seperti beberapa contoh yang berikut:

aji	–	ilmu
anom	–	muda
aria	–	adik
bangatlah	–	sangatlah
banyu	–	air
berkampuh	–	berkain
berpamitan	–	minta diri
bertapih	–	berkain
bertenggeran	–	bertenggek
buri	–	belakang
dalang	–	orang yang memainkan wayang kulit
danta-danta	–	gigi
di alun-alun	–	di lapangan
dipayu	–	laku
diserodi	–	dihisap
diurapi	–	digaul
diwastuni	–	disungguhi
edan	–	gila
gendis	–	gula
gawe	–	buat
ingsun	–	saya
jaran	–	kuda
jogan	–	lantai

kakang	–	abang
karuan	–	tentu
kapan	–	bila
kasmaran	–	jatuh cinta/asmara
kulon	–	barat
layon	–	mayat
lelakon	–	perlakuan
mampir	–	singgah
macan	–	harimau
mari	–	baik/sembuh
melu	–	ikut
mengidung	–	menyanyi
ngelu	–	lenguh-lenguh
paman	–	bapa saudara
pamit	–	minta diri
pangeran	–	tuanku
pangling	–	berubah/tidak dikenali
pesanggerahan	–	tempat istirahat
pukulun	–	saya
sampun	–	sudah
Sang Nata	–	raja
segara	–	lautan
sinom	–	jenis tembang macapat
wetan	–	timur
wijil	–	keluar
yayi	–	datuk

Penggunaan kata-kata Jawa yang disenaraikan di atas bukan sahaja sebagai pelengkap bunyi di hujung, malahan digunakan juga sebagai pengganti kata-kata Melayu.

Mungkin pengarang *Syair Ken Tambuhan* menganggap bahawa bahasa Jawa yang digunakan itu lebih sesuai untuk melahirkan gambaran yang ingin diperihalkan. Seperkara lagi, pengarang ingin membuktikan bahawa *Syair Ken Tambuhan* ini pada dasarnya ialah sebuah cerita yang berasal dari Jawa dan oleh sebab itu padanya tidaklah begitu ganjil apabila sesuatu babak, terutama yang berunsur erotik, digambarkan secara terang kerana pelakunya bukan terdiri daripada anak-anak raja Melayu.

Babak-babak asmara antara Raden Menteri dan Ken Tambuhan digambarkan secara terang. Contohnya:

Diangkat puteri lalu diriba,
Diciumnya hidung tangan meraba,
Aria ningsun Bidadari Sugarba,
Kakang nin sudah menjadi hamba.

Tiadakah kasihan tuan memandang,
Adalah kakang laksana kumbang,
Rawankan kuntum yang belum kembang,
Berahinya kakang tidak tertimbang.

(Naskhah Koleksi DBP: 19/6 dan 7)

Pengarang masih juga menggunakan perlambangan bahasa seperti kumbang dan bunga untuk menggambarkan sikap yang dimainkan oleh Raden Menteri dan Ken Tambuhan. Corak penulisan seperti ini memang biasa kita dapati dalam penulisan tradisi sastera Jawa seperti yang diungkapkan juga dalam cerita-cerita panji yang lain.

Dalam tradisi Melayu perlambangan seperti ini juga biasa berlaku, misalnya kita menemui banyak bahasa atau penulisan kiasan yang menggunakan bunga dan kumbang sebagai lambang. Misalnya: *Bunga bukan sekuntum, kumbang bukan seekor*; *Seperti bunga dedap*; *Seperti kumbang mendapat madu*, dan sebagainya.

Begitu juga dengan kata *kakang* yang bermaksud *abang* yang terdapat dalam *Syair Ken Tambuhan*. Kata ini menampakkan adanya pengaruh Jawa. Kata *kakang* begitu banyak digunakan sebagai pengganti kata *abang*. Dalam naskhah edisi Teeuw terdapat kira-kira 44 kata *kakang* selain yang dicampuradukkan atau diselang-seli dengan kata *kakanda* dan *kakak*.

Fenomena yang sama juga digunakan oleh pengarang dalam naskhah Koleksi DBP, yang tampak berbeza hanyalah tempat atau kedudukan sesuatu perkataan itu digunakan. Misalnya seperti dalam rangkap yang di bawah ini:

tidaklah kasihan tuan memandang
berahinya kakang tidak tertimbang
kakang nin seperti seekor kumbang
rawankan kuntum yang belum kembang

(Teeuw, 1966: 34)

Jika tuan menjadi bunga yang kembang,
Kakang menjadi seekor kumbang,

Tuanlah memberi kakanda bimbang,
Tidaklah kasihan mata memandang.

(Naskhah Koleksi DBP: 17/5)

Penyalin/pengarang naskhah Koleksi DBP hanya "mengubah-ubahkan" baris sahaja tanpa menghilangkan maksud sebenar. Jadi, bentuk penceritaan dalam kedua-dua naskhah *Syair Ken Tambuhan* ini tidak menampakkan perbezaan yang ketara.

Dalam "Kata Pengantar" *Syair Ken Tambuhan* edisi A. Teeuw itu penggunaan bahasa Jawa tidak banyak disentuh oleh pengarang. Teeuw membandingkan teks yang digunakannya dengan teks-teks atau naskhah panji yang lain untuk membuktikan bahawa *Syair Ken Tambuhan* hanya merupakan sebahagian yang amat kecil daripada sebuah cerita panji yang lebih lengkap (Teeuw, 1966: xviii).

Teeuw membicarakan struktur syair secara sepintas lalu, terutama dalam perbandingannya dengan pantun. Bagaimanapun, beliau telah menelusuri sejarah penciptaan syair secara panjang lebar dengan memberikan pandangan Hooykaas dan Skinner (Teeuw, 1966: xxi). Hooykaas beranggapan bahawa syair ialah sejenis sastera Melayu asli walaupun namanya begitu asing. Kata *syair* berasal daripada kata Arab *shi'r* yang bermakna *puisi*. Oleh itu Teeuw memberikan pandangan bahawa umur syair tidaklah begitu tua dan mungkin diciptakan pada tahun 1600 oleh Hamzah Fansuri. Teori yang diberikan oleh Teeuw mungkin ada kebenarannya kerana pada tahun 1670 muncul sebuah syair yang berjudul *Syair Perang Mengkasar*, sedangkan sebelum 1600 belum ditemui karya yang menggunakan bentuk syair. Tentang sejarah kemunculan syair dalam kesusasteraan Melayu, banyak sudah dibicarakan oleh sarjana-sarjana tempatan. Yang pasti ialah bahawa syair muncul selepas kedatangan Islam di Alam Melayu.

Jika dilihat pada halaman permulaan naskhah Koleksi DBP seperti yang dipaparkan pada awal penulisan ini, dapat dibuat suatu rumusan bahawa kemunculan naskhah *Syair Ken Tambuhan* ini lebih awal daripada *Syair Perang Mengkasar* berdasarkan tarikh yang dicatatkan oleh penyalin.

Sehubungan ini, struktur syair amat perlu diketahui. Oleh sebab inilah Pengkaji telah membincangkan serba sedikit tentang syair dan membandingkannya dengan puisi Jawa agar pembaca

tidak terpengaruh dengan pandangan Klinkert dan Hollander. Setiap kelainan dalam puisi tentu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Maka tidak wajarlah dikatakan bahawa suatu puisi itu lebih baik daripada yang lain.

Sinopsis *Syair Ken Tambuhan* Edisi A. Teeuw

Seorang puteri jelita bernama Ken Tambuhan yang nama asalnya Puteri Puspa Kencana telah menjadi tawanan Raja Kuripan. Pertemuan pertamanya dengan Raden Menteri bermula sewaktu wira tersebut cuba mendapatkan burung yang dipanahnya. Ken Tambuhan terpengaruh dengan pujuk rayu Raden Menteri sehingga hubungan mereka tidak disenangi Permaisuri. Pelebaya ditugaskan oleh Permaisuri untuk menghapuskan Ken Tambuhan sewaktu Raden Menteri ditugaskan mencari menjangan atau rusa idaman Permaisuri. Ken Tambuhan rela dibunuh dan kematiannya diikuti oleh dua orang kedayannya yang bernama Ken Penglipur dan Ken Tadahan. Ketiga-tiga mayat mereka diletakkan di atas sebuah rakit yang ditaburi bunga angsana lalu dihanyutkan.

Rakit tersebut ditemui oleh Raden Menteri. Baginda sangat sedih lalu membunuh diri. Peristiwa itu menjadi berita hangat di seluruh negara sehingga Raja dan Permaisuri pengsan, tidak sedar akan dirinya. Raja amat memurkai Permaisuri lalu diperintahkannya Permaisuri dihukum menjaga anjing perburuan. Raja terus menjalani pertapaan, dan usaha baginda ini telah menarik minat dewa-dewa untuk menghidupkan kembali Raden Menteri dan Ken Tambuhan. Akhirnya mereka yang terbunuh hidup kembali dengan adanya bunga Gandapura Wangi atau Wijaya Mala kepunyaan Bidadari Sugarba. Berita gembira ini tersebar luas hingga ke Daha. Ratu Daha datang berkunjung ke Kuripan. Kedua-dua raja bertemu lalu terbongkarlah rahsia bahawa Ken Tambuhan sebenarnya ialah puteri Daha. Akhirnya mereka hidup gembira dan Raden Menteri dirajakan untuk memerintah kedua-dua buah negeri, Kuripan dan Daha.

Sinopsis *Syair Ken Tambuhan* Naskhah Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka

Cerita bermula di negeri yang rajanya bernama Seri Nara

Cempaka Jajar yang hidup bahagia bersama Permaisuri dan seorang putera bernama Raden Menteri. Pada waktu yang sama diceritakan tentang Ken Tambuhan (Raden Puspa Kencana) yang menjadi puteri tawanan di Kuripan. Setiap hari dia ditugaskan bertenun sambil dijaga dan ditemani dua orang embannya yang bernama Ken Penglipur dan Ken Tadahan.

Pada suatu hari Raden Menteri bermain-main memanah burung serindit. Burung itu masuk ke dalam taman larangan dan di sinilah bermulanya pertemuan antara kedua-dua watak tersebut. Raden Menteri terus jatuh cinta dan tidak dapat berpisah langsung dengan Ken Tambuhan. Dengan pujuk rayu Raden Menteri, Ken Tambuhan tidak berupaya menepis cinta tersebut dan akhirnya mereka berdua telah menikmati hidup seperti suami isteri. Perbuatan ini akhirnya diketahui oleh Permaisuri dan baginda telah berusaha memisahkan mereka berdua kerana menganggap Ken Tambuhan tidak sepadan dengan anaknya. Raden Menteri kemudian disuruh oleh Permaisuri ke hutan mencari binatang, sama ada rusa, pelanduk, kijang ataupun menjangan.

Sepeninggalan Raden Menteri, Permaisuri memerintahkan pelebaya membawa Ken Tambuhan ke hutan dan menghapuskannya. Kematian Ken Tambuhan diikuti oleh dua orang kedayannya dan ketiga-tiga mayat mereka diletakkan di atas rakit dengan ditutupi bunga-bungaan angsana. Rakit tersebut dihanyutkan dan akhirnya telah ditemui oleh Raden Menteri. Disebabkan cintanya yang amat kental, Raden Menteri membunuh dirinya sendiri dan berita sedih ini terus disampaikan kepada Raja dan Permaisuri. Seluruh negara berkabung, Raja lalu menghalau Permaisuri dari istana dengan penuh kehinaan.

Keadaan Raja yang sangat bersedih dengan peristiwa tersebut menarik perhatian para dewa dan akhirnya dengan bantuan Seri Betara, Ken Tambuhan dan Raden Menteri dihidupkan kembali dengan menggunakan bunga Gandapura Wangi yang berasal daripada susu Dewi Sugarba. Kegembiraan terus menyelubungi seluruh negara dan Permaisuri diterima kembali ke istana.

Pertemuan antara keluarga Kuripan dan Daha berlangsung dan wujudlah suatu suasana kegembiraan yang dirasai oleh kedua-dua buah negeri yang bersaudara sepupu itu. Kegembiraan ini tidak berterusan kerana Raden Menteri terpaksa keluar dari istana untuk mencari buah pauh janggi yang diidami Ken Tambuhan

setelah pelbagai usaha dilakukan tetapi gagal untuk memperoleh buah tersebut.

Pemergian Raden Menteri begitu lama sehingga baginda tidak dapat melihat kelahiran anak yang sedang dikandung isterinya. Pada waktu itu Raden Menteri sudah merajai kedua-dua buah negeri, iaitu Kuripan dan Daha, dengan Ken Tambuhan sebagai permaisurinya. Walau bagaimanapun, setelah putera baginda dewasa, dia terus bertanya siapakah ayahandanya, akhirnya dia mengembara dan berjaya pula menemui ayahandanya kembali setelah menempuh beberapa rintangan seperti mengalahkan geroda yang berasal daripada dewa. Cerita berakhir dengan kegembiraan.

Dalam penulisan kali ini hal-hal yang pernah disentuh oleh Teeuw akan cuba dihindarkan dan akan disorot pula sejauh mana watak wira, wirawati, emban atau inang pengasuh dalam *Syair Ken Tambuhan* Koleksi DBP sejajar dengan cerita-cerita panji Jawa. Kajian ini melihat implikasi watak-watak ini daripada kaca mata Jawa dan melihat cerita panji ini sebagai pralambang hidup manusiawi.

Watak dan Perwatakan dalam *Syair Ken Tambuhan*

Apabila berbicara tentang watak dan perwatakan dalam sesebuah cerita, sikap manusiawi sering ditonjolkan dan watak manusialah yang menghidupkan jalan cerita, sama ada secara lahir atau batin. Demikian juga kadangkala diterapkan watak manusia ke dalam watak binatang jika cerita itu bermaksud sebagai kiasan seperti yang terdapat pada cerita-cerita Sang Kancil. Watak dan perwatakan dalam *Syair Ken Tambuhan* dapat dibahagikan kepada watak penting dan watak sampingan. Watak utama atau watak penting sering ditonjolkan dari permulaan hingga ke akhir cerita. Watak sampingan pula hanya sekadar membantu dalam perkembangan cerita.

Dalam *Syair Ken Tambuhan* watak utama ialah Raden Menteri dan Ken Tambuhan. Kedua-dua watak ini amat bersinonim dengan watak Inu Kertapati dan Galuh Cendera Kirana. Kedua-dua watak dalam panji ini sering berubah nama, dan dalam panji Jawa kadangkala Inu Kertapati dikenali juga sebagai Panji Asmarabangun, manakala Galuh Cendera Kirana dikenali sebagai Sekartaji.

Walaupun *Syair Ken Tambuhan* merupakan cerita saduran daripada cerita-cerita panji namun *Syair Ken Tambuhan* masih dapat dikira sebagai cerita panji. Watak utamanya masih Inu dan Galuh, dan hubungan kedua-duanya berdasarkan ikatan cinta abadi yang tidak terpisahkan di samping adanya hubungan kekeluargaan.

Dalam *Syair Ken Tambuhan* Koleksi DBP ini watak penting dipegang oleh Raden Menteri dan Ken Tambuhan serta Cahaya Negara (anak mereka berdua), manakala watak-watak sampingannya dipegang oleh Ratu Kuripan, Permaisuri, pelebaya, Ken Penglipur, Ken Tadahan, Wira Dandani, Ratu Daha, Permaisuri Daha, Betara Kala dan Dewi Sugarba. Watak-watak sampingan ini dapat dibahagikan kepada watak emban[8] seperti watak Ken Penglipur, Ken Tadahan, dan Wira Dandani. Ken Penglipur dan Ken Tadahan menjadi emban kepada Ken Tambuhan manakala Wira Dandani menjadi emban kepada Raden Menteri. Bentara Kala dan Dewi Sugarba ialah watak dewa yang memberi kebahagiaan kepada seluruh warga Kuripan dan Daha secara menghidupkan kembali watak Raden Menteri dan Ken Tambuhan. Watak Permaisuri dan pelebaya boleh dianggap sebagai penyebab kepada peristiwa kematian Ken Tambuhan dan Raden Menteri, manakala Ratu dianggap sebagai penegak kebenaran kerana menghukum Permaisuri atas perbuatannya.

Watak Utama

Watak utama atau watak penting sering dimunculkan dari awal cerita seperti sewaktu kelahiran dan suasana kelahirannya. Gambaran seperti ini lumrah ditemui dalam cerita-cerita panji Melayu dan ada kalanya ada kesamaannya dengan cerita-cerita lipur lara:[9]

> ... Akan Permaisuri pun mangkin sakitlah hendak berputera .... Maka dengan seketika itu juga bulan yang terang itu pun menjadi kelam. Guruh pun berbunyilah sayup-sayup bahasa seperti menegur Betara Kerma Jaya akan menjelma itu. Demikianlah lakunya. Maka kilat petir pun sabung-menyabung serta dengan hujan ributnya, terlalu amat keras selaku-laku terangkat negeri Kuripan rasanya .... Setelah dini hari, maka hujan ribut itu pun teduhlah .... Maka

Permaisuri pun berputeralah seorang laki-laki, terlalu baik
sikapnya, gilang-gemilang seperti anakan kencana rupanya.

(Abdul Rahman Kaeh, 1985: 8)

Namun dalam *Syair Ken Tambuhan* tidak terdapat gambaran kelahiran watak-watak utama ini melainkan kedua-dua watak ini ditampilkan setelah melangkah ke alam remaja:

empat belas tahun umurnya tuan
dinamai ratu Ken Tambuhan
cantik manis barang kelakuan
memberi hati bimbang dan rawan

(Teeuw, 1966: 3)

Dalam teks Koleksi DBP juga tidak diberikan gambaran kelahiran kedua-dua wira dan wirawati, malahan *Syair Ken Tambuhan* ini terus menceritakan tokoh Ken Tambuhan yang menjadi tawanan di Kuripan.

Tentang usia Ken Tambuhan dalam koleksi ini tidak ada perbezaannya dengan naskhah edisi A. Teeuw. Yang tampak berbeza hanya penggunaan kata *umurmu* dalam naskhah Koleksi DBP, sedangkan dalam edisi A. Teeuw kata *umurnya* pula yang digunakan.

Selain itu usia Raden Menteri juga tidak menampakkan sebarang perbezaan antara naskhah Koleksi DBP dengan edisi A. Teeuw, malahan setiap kata dan isinya juga sama kedua-duanya:

Tujuh belas tahun umurnya baginda,
Terlalu kasih ayahanda dan bonda,
Diberinya inang dan kanda,
Serta pengasuh anak biduanda.

(Naskhah Koleksi DBP: 5/7)

Jadi, dalam *Syair Ken Tambuhan* kedua-dua watak utama ini masing-masing berumur antara 14 dan 17 tahun. Umur pada peringkat ini memang dianggap sudah meninggalkan alam kanak-kanak. Mungkin pengarang *Syair Ken Tambuhan* menggambarkan remaja pada tahap umur ini dapat dianggap sebagai unggul dan cinta yang bersemi antara kedua-dua watak ini dapat dianggap pula sebagai cinta pertama dan suci.

Watak Raden Menteri digambarkan sebagai manusia unggul sama ada dari segi sifat lahir atau jasmaniahnya, seperti yang digambarkan dalam rangkap yang berikut:

> Paras elok tiada bertara,
> Asalnya turun dari udara,
> Sempurna akal budi bicara,
> Raden tidak bersaudara.
> ....
> Raden pun sangat agus bestari,
> Sekalian permainan dipelajari,
> Serta segala anak menteri,
> Berhimpun sekalian isi negeri.
>
> (Naskhah Koleksi DBP: 5/6, 5/9)

Tanggapan pengarang *Syair Ken Tambuhan* tentang umur 17 tahun sebagai umur yang sudah sesuai untuk berumah tangga mungkin disebabkan pengarang melihat kewajarannya dengan alam pada ketika itu. Hal ini pernah disebut oleh Teeuw:

> Akibatnya seorang pengarang Melayu lama hanya dapat membuktikan bakatnya dan keahliannya serta perasaan seninya dengan cara ia sanggup menciptakan karya seni yang sesuai dengan tradisi.
>
> (Teeuw, 1966: xxxviii)

Tidak menjadi kejanggalan sekiranya seorang pemuda yang baru berusia 17 tahun berkeinginan untuk berumah tangga. Kalau dilihat dari sudut psikologi, pengalaman yang diperoleh pada waktu remaja akan mendasari penyesuaian diri dalam masa dewasa (Andi Mappiare, 1983: 20). Justeru itu kadangkala kematangan seseorang individu tidak dapat diukur dari sudut usia.[10]

Sikap dan watak pemuda yang berusia 17 tahun itu digambarkan oleh pengarang *Syair Ken Tambuhan* sebagai individu yang tidak memikirkan sebab dan akibat daripada tindakan yang dilakukannya. Hal ini dapat dilihat daripada sikap Raden Menteri yang mencumbui Ken Tambuhan. Dia tidak memikirkan risiko yang bakal dihadapi oleh Ken Tambuhan. Namun dalam usianya yang masih muda itu Raden Menteri digambarkan sebagai pria yang dapat berkelakuan dewasa dalam bercinta. Dia pintar

melayani cintanya terhadap Ken Tambuhan di samping sanggup pula berkorban demi cinta sucinya.

Dilema yang dihadapi oleh watak wira ini dapat dilihat daripada sikap serba salahnya, sama ada patut menurut kehendak ibunya atau mempertahankan cintanya kepada Ken Tambuhan. Walau bagaimanapun, akhirnya dia tidak tergamak mengabaikan kehendak ibunya. Jadi, perwatakan Raden Menteri dapat dilihat daripada peranan yang dimainkannya. Sebagai kekasih dia setia dan sanggup mati bersama-sama, manakala sebagai anak pula dia patuh dan taat kepada orang tuanya.

Dalam naskhah Koleksi DBP, Raden Menteri dipaparkan sebagai seorang suami yang sanggup mencari buah pauh janggi keinginan isteri yang sedang mengidam. Walaupun hatinya berat untuk meninggalkan isterinya yang berbadan dua, namun kerana kasih dan kasihan terhadap isterinya, dia sanggup menghadapi sebarang bahaya. Justeru itu sewaktu dia meninggalkan isteri dan istana, dia berpesan:

> Ia berkata kepada ayah dan bonda,
> Puteri sekalian putera anakanda,
> Jikalau ada satu bahaya anakanda,
> Puteri sekalian putera anakanda.
>
> (Naskhah Koleksi DBP: 133/11)

Sebagai seorang lelaki yang mempunyai taraf dan kuasa dia tidak bersikap mata keranjang. Watak Raden Menteri dalam *Syair Ken Tambuhan* agak berbeza daripada watak-watak Inu dalam cerita-cerita panji yang lain.

Dalam *Hikayat Panji Semirang* misalnya, Inu tergoda kepada Panji Semirang walaupun Panji Semirang ini sebenarnya Galuh dalam penyamaran. Dia tidak mengenali Galuh, namun hatinya tetap terpaut, maka dapatlah dikatakan bahawa sebagai pria Inu memang wajar bersikap sedemikian:

> Raden Inu, setelah melihat Panji Semirang berkenderaan itu, lemahlah hatinya dan hulu keris yang dipegangnya itu dirasanya seperti hendak jatuh sebab melihat rupa Panji Semirang yang amat gilang(-gemilang) dan berkilau-kilauan, sehingga pada ketika itu warna muka Raden Inu itu seperti bunga yang terjemur di matahari.
>
> (*Hikayat Panji Semirang*, 1973: 71)

Watak Raden Menteri sebagai Inu ada disebut dalam *Syair Ken Tambuhan* (Teeuw, 1966: 68; Koleksi DBP: 7/1). Ken Tambuhan tidak pula menggunakan nama Galuh Cendera Kirana tetapi menggunakan nama Puspa Kencana. Namun demikian gambaran yang dipaparkan untuk Ken Tambuhan persis menyerupai Galuh Cendera Kirana, sama ada dari segi fizikal ataupun dari segi perlakuannya.

Raden Menteri yang dikenali sebagai Inu digambarkan sebagai kekasih yang rela berkorban, suami yang bertanggungjawab, dan sebagai anak yang patuh. Pada diri Raden Menteri dipaparkan sifat keunggulan yang sepatutnya ada pada setiap wira. Wira yang unggul ini pula harus disesuaikan dengan watak wirawati yang unggul. Kedua-duanya umpama gabungan cincin dengan permata dan inilah acuan pengarang waktu itu untuk menciptakan watak wira dan wirawatinya. Kedua-dua watak digambarkan dalam bentuk yang seputih-putihnya. Cara ini memang lumrah ditemui dalam karya-karya lama. Dengan cara ini kemungkinan pengarang cuba menutup realiti kelemahan watak wira yang ada pada waktu itu dengan suatu watak yang dapat menzahirkan segala keunggulan.

Tentang watak Ken Tambuhan, dia hanya dimunculkan sebagai puteri tawanan di Kuripan. Dari segi gambaran fizikal, selain menyerupai Galuh, Ken Tambuhan juga mewarisi kecantikan Mandudari, iaitu watak wanita yang ditemui oleh Desirat Maharaja dari dalam buluh betung (Roorda, 1258H: 3).

Dalam hal ini, pengarang mungkin dipengaruhi cerita-cerita Rama yang dalam versi Melayunya lebih dikenali sebagai *Hikayat Seri Rama*. Walaupun *Hikayat Seri Rama* tidak menampilkan tujuan asal yang terdapat dalam *Ramayana* namun hikayat ini tidak lari daripada pemaparan watak-watak unggul Hindu melalui watak Rama, Sita, dan Laksamana. Dalam *Hikayat Seri Rama* edisi Roorda, digambarkan kehebatan kecantikan Mandudari sehingga Rawana menjadi sangat berkeinginan terhadapnya, dan melalui budi bahasa yang menarik dia meminta wanita ini daripada Desirat Maharaja. Jadi, kecantikan Mandudari dapat menawan dua pria, iaitu Desirat Maharaja dan Rawana. Dalam *Syair Ken Tambuhan* kecantikan Ken Tambuhan yang mirip Mandudari juga dapat menawan Raden Menteri.

Secara tidak langsung Ken Tambuhan digambarkan sebagai wanita unggul Jawa yang serba patuh, sentiasa akur dan tidak

mempunyai rasa berontak kepada sesuatu hal yang dianggap tidak adil.[11] Gambaran kepatuhan Ken Tambuhan dipaparkan sewaktu dia melayani kehendak Raden Menteri dan sewaktu dia akan dihukum bunuh. Pada waktu itu wanita dikehendaki bersikap patuh, taat dan setia. Justeru itu kemungkinan pengarang *Syair Ken Tambuhan* ini masih mengekalkan sifat wanita Jawa ke dalam tradisi Melayu. Kedudukan wanita Jawa dan Melayu hampir sama dalam sebarang tindak laku kerana jarang sekali wanita Jawa atau Melayu sanggup menunjukkan keinginannya yang sebenar. Senjata paling ampuh yang digunakan oleh wanita ialah air matanya. Gambaran ini amat ketara sama ada dalam naskhah edisi Teeuw ataupun Koleksi DBP. Disebabkan naskhah Koleksi DBP lebih terperinci dan panjang, pasti sahaja gambaran Ken Tambuhan dilukiskan dengan berbagai-bagai gaya sesuai dengan senario yang sedang dilalui oleh watak-watak tersebut. Satu contoh ialah, sewaktu Ken Tambuhan amat teringin memakan buah pauh janggi, dia tidak menyatakan hasrat hatinya secara terang tetapi dengan linangan air mata:

> Adapun akan Ken Tambuhan,
> Menangis tidak berputusan,
> Raden membujuk sepanjang jalan,
> Salah pun jangan tuan panjangkan.
>
> (Naskhah Koleksi DBP: 128/5)

Air mata sering menyebabkan suami ingin membuktikan kasih sayangnya terhadap si isteri tanpa mempedulikan bahaya yang akan dihadapi. Senario inilah yang dipaparkan oleh pengarang *Syair Ken Tambuhan* untuk menunjukkan bahawa ikatan suami isteri yang kental dan tulen sukar benar diukur dengan mata kasar.

Sehubungan itu, sifat keunggulan manusia Jawa yang digambarkan melalui Ken Tambuhan ini hampir sama dengan sifat yang ditonjolkan melalui watak Sita Dewi dalam *Hikayat Seri Rama*, terutama sewaktu kedua-duanya terpaksa menjalani dugaan yang paling besar. Ken Tambuhan terpaksa menerima hukuman bunuh yang dijalankan oleh pelebaya, sedangkan Sita Dewi terpaksa terjun ke dalam api untuk membuktikan kesuciannya. Kedua-dua watak wanita ini digambarkan sebagai manusia yang tidak mempunyai hak untuk membuktikan kebenaran, namun keadaan ini amat

berbeza dengan Galuh Cendera Kirana dalam *Hikayat Panji Semirang*. Dia menentang ketidakadilan dengan tindakan melarikan diri dari istana dan menyamar sebagai Panji Semirang (*Hikayat Panji Semirang*, 1973: 41–44). Kedua-duanya datang daripada status yang sama dengan keadaan fizikal yang sama padan sehingga pada kedua-dua watak ini tidak terdapat apa-apa kekurangan.

Dalam naskhah Koleksi DBP, anak kepada Raden Menteri dan Ken Tambuhan juga dapat dianggap penting, kerana dengan usahanya, ayahandanya dapat diselamatkan dan ini mengembalikan kemeriahan di Kuripan dan Daha.

Walaupun anak daripada kedua-dua watak utama ini tidak diberikan nama yang jelas tetapi hanya dikenali sebagai Cahaya Negara/Negeri, namun watak ini juga telah menunjukkan kehebatan yang sama seperti yang diperlihatkan oleh watak ayahandanya, Raden Menteri (Inu):

> Ayo we mamanda tinggallah tuan,
> Patik bermohon hendak berjalan,
> Biar anakanda pergi melawan,
> Baik dan jahat supaya keruan.
>
> (Naskhah Koleksi DBP: 153/7)

Watak Sampingan

Antara beberapa watak sampingan, yang penting ialah watak emban atau pengasuh kepada watak utama. Emban kepada Ken Tambuhan ialah Ken Penglipur dan Ken Tadahan, manakala emban kepada Inu ialah Wira Dandani. Ketiga-tiga watak ini amat patuh dan setia kepada tuan masing-masing; hal ini terbukti misalnya apabila emban Ken Tambuhan, iaitu Ken Penglipur dan Ken Tadahan, sanggup mati bersama-sama tuannya.

Emban bukan sekadar menjadi pengasuh, orang suruhan, malahan mereka dianggap sebagai pendidik, teman penghibur dan penasihat. Emban kadangkala dikenali juga sebagai panakawan (kawan setia) yang sering bersama-sama watak utama setiap waktu.

Dalam *Syair Ken Tambuhan* ini emban Ken Tambuhan digambarkan sebagai pengasuh yang benar-benar setia menjalani kewajipan sehariannya dengan rela. Perkhidmatan mereka, antara beberapa contohnya, tergambar pada perbuatan mereka

menunggui Ken Tambuhan semasa tidurnya dan menggosok tubuh Ken Tambuhan sewaktu dia mandi. Malah kedua-dua emban ini sanggup mati demi kesetiaan kepada tuannya (naskhah Koleksi DBP: 59/2).

Kedayan atau emban dalam cerita-cerita panji sering kali ditugaskan untuk menjaga dan menyediakan segala keperluan tuannya. Dalam beberapa hal, keadaan fizikal kedua-dua emban ini tidak diceritakan. Mereka cuma disebut sebagai pengasuh kepada Ken Tambuhan, yakni yang lebih ditonjolkan ialah sifat bakti mereka kepada tuannya. Fenomena ini agak berbeza dengan emban dalam cerita-cerita Jawa yang lain. Misalnya dalam cerita *Damar Wulan*, watak panakawan atau emban Damar Wulan ialah Nayagenggong dan Sabda Palon. Kedua-dua watak ini digambarkan dengan keadaan fizikal yang jelik dan berlawanan sekali dengan keadaan fizikal wira yang serba tampan. Dalam tradisi sastera Jawa, pergandingan antara dua watak panakawan ini dengan Damar Wulan mempunyai makna yang tersirat. Kedua-dua panakawan ini membawa makna yang tersendiri seperti Nayagenggong yang bermaksud "besar kebijaksanaan", sedangkan Sabda Palon bermaksud "kata yang tidak berubah". Dengan demikian, petikan "... *Maka di mana pun Damar Wulan berada, Nayagenggong dan Sabda Palon selalu di sisinya* ...." dapat diertikan bahawa seseorang yang tenang dalam sebarang situasi tidak lepas daripada bijaksana dan setia pada ucapan (Soenarto Timoer, 1980: 63).

Namun demikian, dalam cerita-cerita panji Jawa umumnya dapat diketemukan watak Jurudeh dan Persanta yang menjadi panakawan kepada watak wira.[12] Gandingan ini juga dapat diertikan bahawa dalam diri manusia ini sering wujud unsur positif dan negatif, dan menunjukkan bahawa kedua-duanya saling lengkap-melengkapi. Raja memerlukan rakyat dan rakyat memerlukan pemimpin. Jadi, dalam *Syair Ken Tambuhan* ini diperihalkan konsep saling lengkap-melengkapi. Emban memerlukan tuan sebagai tempat bernaung sedangkan tuan memerlukan emban sebagai tempat mendapat pertolongan dan mengadu hal. Hubungan ini jelas diceritakan dalam *Syair Ken Tambuhan* sama ada dalam naskhah edisi Teeuw ataupun naskhah Koleksi DBP.

Peranan watak sampingan yang lain ialah Permaisuri. Tanpa Permaisuri pembunuhan tidak akan berlaku dan Permaisuri dapat dianggap sebagai pencetus peristiwa. Sekiranya Permaisuri tidak

diwujudkan mungkin tidak akan berlaku peristiwa pembunuhan.

Peranan dewa juga tidak kurang pentingnya. Pengarang *Syair Ken Tambuhan* memunculkan watak dewa kerana watak ini dapat dianggap sebagai kuasa yang boleh mewujudkan sesuatu perkara ajaib yang tidak mungkin dapat dibuat oleh manusia biasa. Watak-watak dewa ini secara tidak langsung ada kaitan dengan pengaruh mitologi masyarakat Jawa. Dalam mitos Jawa, keturunan raja mereka ada kaitannya dengan dewa-dewa dan dewa-dewa ini pula ada kaitannya dengan epos Hindu, terutamanya *Mahabharata* (Harun Mat Piah, 1980: 29). Kebenaran hubungan ini dapat dilihat daripada senarai susur galur leluhur raja-raja Jawa yang terdapat dalam *Babad Tanah Djawi*:

1. Nabi Adam
2. Sis
3. Nurcahya
4. Nurasa
5. Sang Hyang Wening
6. Sang Hyang Tunggal
7. Batara Guru
8. Batara Brama
9. Bramani
10. Tritrusta
11. Parikenan
12. Manumanasa
13. Sakutrem
14. Sakri
15. Palasara
16. Bagawan Abiyasa
17. Pandudewanata
18. Arjuna
19. Abimanyu
20. Parikesit
21. Yudayana
22. Gendrayana
23. Jayabaya
24. Jayamijaya
25. Jayamisena
26. Resi Gatayu
27. Panji
28. Kuda Laleyan
29. Banjaransari

Senarai tersebut memperlihatkan bahawa Panji adalah salah seorang leluhur raja Jawa. Panji juga digambarkan berketurunan Arjuna dalam *Mahabharata*. Pengarang *Syair Ken Tambuhan* juga menyatakan bahawa ketampanan Raden Menteri menyerupai ketampanan Arjuna atau Rajuna:

> Raden pun sampai istana
> melungguh di atas peterana
> sikapnya seperti Sang Rajuna
> manis bersunting bunga angsana
>
> (Teeuw, 1966: 12)

> Parasnya elok tiada bertara,
> Asalnya turun dari udara,

Sempurna akal budi bicara,
Raden tidak bersaudara.

(Naskhah Koleksi DBP: 5/6)

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa setiap watak pembantu, terutama emban, dalam *Syair Ken Tambuhan* mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya. Tanpa watak pembantu, watak utama akan menjadi kaku walaupun watak penting dikatakan berasal daripada dewa.

Latar

Latar yang diperihalkan ialah suasana istana yang serba mewah dan indah (Teeuw, 1966: 2; naskhah Koleksi DBP: 1/8–1/11). Gambaran ini tidak terdapat di sekeliling masyarakat luar istana. Pembaca dibawa berkhayal menikmati keindahan. Dalam hal ini pengarang *Syair Ken Tambuhan* amat berjaya mewujudkan gambaran yang dapat dikhayalkan seperti yang kelihatan pada contoh-contoh petikan yang berikut:

diperbuatkan baginda kota batu
di tengahnya ada kolam suatu
terlalu indah tamannya itu
tempat menaruhkan anak para ratu

beberapa puluh buah istana
di sisi kolam jambangan ratna
bunga dan kuntum berbagai warna
berapat dengan pohon angsana

beberapa puluh buah balai
perbuatannya indah terlalu permai
pahat dan ukir bunga setangkai
keluk tembosa berbagai-bagai

diperbuatnya balai empat puluh ruang
tingkap bertatah berkerawang
diaturnya cermin kaca diselang
disinar syamsu gilang-gemilang

(Teeuw, 1966: 2)

Diperbuat baginda berkota batu,
Di dalamnya ada kolam suatu,
Terlalu indah tamannya itu,
Tempat menaruhkan anak para ratu.

Beberapa puluh buah istana,
Diisi kolam jambangan ratna,
Bunga dan kuntum berbagai warna,
Berapat dengan pohon angsana.

Beberapa puluh buah balai,
Perbuatannya indah terlalu ramai,
Pahat dan ukir bunga setangkai,
Keluk tembusu berbagai-bagai.

Diperbuatnya balai empat puluh ruang,
Ditunggu semua tidak yang kurang,
Diatur cermin kaca diselang,
Disinar syamsu gilang-gemilang.

(Naskhah Koleksi DBP: 1/8–1/11)

Dengan gambaran alam istana itu pembaca dapat mengkhayalkannya menurut kemampuan citarasa masing-masing. Alam istana, apalagi alam kayangan, hanya dapat diterobosi oleh manusia istimewa yang digelar dewa-dewa. Keistimewaan dewa-dewa pula dijelmakan dalam watak-watak Panji. Justeru itu watak Panji dan Galuh sering dikaitkan dengan keturunan dewa. Demikian juga halnya dengan Raden Menteri, seperti yang digambarkan dalam petikan yang berikut:

Memandang rupa Raden Inu,
Kepada mata tidak jemu,
Di dalam hatinya bagai ditunu,
Segala yang memandang hairan termangu.

(Naskhah Koleksi DBP: 9/1)

Dalam *Syair Ken Tambuhan* kaitan antara Inu dengan dewa tidak dipaparkan secara persis tetapi dalam cerita-cerita panji Melayu yang lain keturunan Panji begitu jelas ditonjolkan. Raden Inu dan Galuh adalah penjelmaan semula atau *inkarnasi* daripada Arjuna dan isterinya, Subadra. Dalam *Hikayat Panji Semirang*

misalnya, raja-raja Jawa adalah keturunan dewa (*Hikayat Panji Semirang*, 1973: 1). Justeru itu kayangan digambarkan penuh dengan segala keindahan dan keajaiban:

setelah baginda sampai ke syurga
segala bidadari terkejut belaka
heranlah ia dengan seketika
lalailah dengan pemandangan muka

(Teeuw, 1966: 163)

lalailah ia dengan seketika
mengidari taman di dalam syurga
mendam di atas hamparan suraga
badan terhantar belumkan jaga

(Teeuw, 1966: 165)

Setelah baginda sampai syurga,
Segala bidadari terkejut belaka,
Hairanlah ia dengan seketika,
Khayal menentang kilauan syurga.

(Naskhah Koleksi DBP: 87/10)

Lalailah ia dengan seketika,
Mengedari taman di dalam syurga,
Menengadah di atas hamparan jingga,
Badan terhantar belumkan jaga.

(Naskhah Koleksi DBP: 89/5)

Dengan adanya penyebutan "syurga" dan "bidadari" dapat dibayangkan tempat yang cuba diperkenalkan oleh pengarang. Hal ini ada persamaannya dengan manusia beragama yang sering menggambarkan syurga itu sebagai suatu tempat yang kekal dan penuh dengan kesempurnaan.

Pada umumnya istana menjadi fokus sorotan pengarang cerita-cerita panji kerana dalam tradisi penulisan Jawa atau Melayu, pujangga berdamping rapat dengan raja. Hal ini dapat ditelusuri daripada "manggala" atau mukadimah sesebuah karya yang memuji-muji raja. Dalam penulisan tradisi sastera Jawa fenomena ini ketara sekali. Misalnya, seperti yang pernah dilakukan oleh Panuluh sewaktu menulis *Hariwangsa*, pengarang

terdorong menulis karyanya atas perintah rajanya. Tanpa perintah raja, beliau tidak berani melakukan tugas itu kerana bakatnya tidak memadai (Zoetmulder, 1985: 194). Jadi, jelas daripada keterangan Panuluh ini bahawa pengarang zaman lampau sangat bergantung pada restu rajanya. Dengan demikian pembaca tentu akan menyanjung karya tersebut kerana ia lahir atas perintah dan restu raja.

Daripada beberapa petikan contoh, sama ada *Syair Ken Tambuhan* edisi A.Teeuw, mahupun naskhah Koleksi DBP, ternyata sekali bahawa penyalin naskhah Koleksi DBP telah berusaha sebaik mungkin untuk merobah beberapa perkataan daripada edisi A.Teeuw. Contoh-contohnya dapat dilihat pada perkataan seperti *mendam* daripada teks edisi A. Teeuw yang ditukar kepada *menengadah*. Begitu juga dengan frasa *hamparan suraga* yang telah ditukar kepada *hamparan jingga*.

Pengubahsuaian ini menunjukkan bahawa penyalin naskhah Koleksi DBP memang menyedari akan hasil karyanya. Beliau tidak secara sewenang-wenang menggunakan perkataan yang dianggap sesuai, malahan penyalin ini amat kreatif kerana berani memberi penambahan cerita yang mirip dengan karya lipur lara. Walaupun demikian, penambahan cerita yang dilakukan oleh pengarang wajar dan tidak lari daripada kerangka cerita asal.

Panji Sebagai Lambang Manusiawi

Pralambang atau simbol merupakan pengantara pemahaman terhadap objek. Walaupun selama ini Panji telah disorot dari berbagai-bagai aspek, sama ada dari segi sejarah kemunculan dan penyebarannya di Nusantara, pengaruhnya, dan sebagai mitos, namun cerita-cerita panji jarang sekali dilihat sebagai pralambang kehidupan manusiawi.

Panji sebagai mitos bulan, misalnya, telah dikembangkan oleh Rassers sebagai teori (dalam *De Pandji-Roman*, 1922) dengan menyatakan bahawa perjalanan bulan mulai separuh terang hingga ke bulan purnama, kemudian susut kembali menjadi separuh gelap, setelah itu menjadi bulan purnama lagi. Semuanya ini dilambangkan dengan perjalanan hidup Panji yang mendekati Cendera Kirana (= bulan separuh terang) untuk mendapatkan kebahagiaan bersatu dengan Cendera Kirana (= bulan purnama).

Apabila musuh cuba menculik Galuh, Panji akan merana (= bulan mengecil – separuh gelap). Penculik dikejar, kemudian dikalahkan dan Panji kembali menuju ke arah kebahagiaan kerana dapat bertemu lagi dengan kekasihnya (= separuh terang sampai bulan purnama lagi). Demikian pergerakannya, berulangan terus (Soenarto Timoer, 1987: 6). Jadi cerita-cerita panji tidak sekadar sebuah mitos bulan tetapi dikaitkan juga dengan mitos air, iaitu mitos Sungai Brantas. Tetapi penulisan kali ini cuba mengaitkan cerita-cerita panji dengan kehidupan manusiawi. Nama-nama watak, perlakuan watak, dan plot-plot yang terjalin dalam cerita-cerita panji adalah jalur-jalur hidup yang dilalui dan ditempuh oleh setiap individu yang menganggap hidup ini mempunyai matlamat atau tujuan.

Cerita-cerita panji sering dipaparkan dengan tema cinta antara watak Inu dengan Galuh, dua watak manusia yang berlainan dari segi sifat fizikal dan emosinya. Perwatakan mereka selaras dengan alam kehidupan manusia biasa. Bentuk berlawanan atau perbezaan merupakan ciri atau sifat kelumrahan alam nyata:

adanya siang dan malam
adanya kecil dan besar
adanya cantik dan hodoh
adanya lelaki dan perempuan.

Kedua-dua konsep yang bertentangan tetapi saling bergantungan ini memang lumrah wujud dalam kehidupan manusia. Apabila difikirkan tentang putih pasti terbayang akan warna hitam kerana kedua-duanya saling berkaitan. Hitam tidak akan wujud tanpa putih. Begitu juga lelaki tidak akan terpisah daripada wanita. Implikasi daripada proses atau konsep pertentangan binari atau *binary opposition* ini ialah bahawa dalam hidup ini manusia tidak terlepas daripada dua unsur yang berbeza (Hawkes, 1986: 93).

Setiap perbezaan tidak sepantasnya dianggap sebagai suatu pergeseran tetapi dapat dianggap sebagai suatu penyesuaian yang saling melengkapi. Penyatuan atau penyesuaian antara tanggapan atau proses yang bertentangan ini dapat dilihat dari segi unsur hidup dan mati. Kedua-duanya tidak terpisah namun untuk mencari penyesuaian dan penyatuan dikatakan pula bahawa roh seseorang yang mati akan hidup dan kekal.

Begitu juga penyatuan antara pria dan wanita berlaku melalui

perkahwinan. Jadi, watak Inu dan Galuh adalah lambang perbezaan ini, namun mereka mempunyai suatu ikatan, iaitu cinta. Demi cinta inilah mereka ingin bersatu dalam dunia perkahwinan. Cinta antara Inu dengan Galuh merupakan penggerak untuk kedua-duanya berusaha agar dapat bersatu. Jika dikaitkan dengan kehidupan manusiawi, cinta diumpamakan sebagai matlamat atau tujuan.

Hidup tanpa tujuan tidak akan membawa seseorang ke tangga kejayaan. Dengan adanya matlamat hidup, seseorang itu akan berusaha semaksimum mungkin untuk mencapai kejayaan. Dalam hal ini dapat disamakan dengan watak Panji dan Galuh. Demi cinta, mereka senantiasa berusaha untuk hidup bersama. Cinta adalah tujuan, dan hidup tanpa tujuan dapat diumpamakan seperti kapal yang belayar tanpa pedoman. Sering kali pula tujuan atau matlamat hidup ini seiring dengan kehendak masyarakat, sebagaimana cinta Inu dan Galuh sejajar dengan restu daripada kedua-dua pihak, Daha dan Kuripan.

Untuk memaparkan cinta yang terjalin antara Galuh dan Inu, pengarang telah mewujudkan beberapa episod yang berkembang sehingga menemui kegembiraan pada akhir cerita. Jalinan episod ini merupakan plot cerita yang dikembangkan menuju klimaks cerita dan akhirannya.

Plot

Plot dalam cerita-cerita panji dapat disamakan dengan perjalanan hidup manusia menuju matlamat yang ingin dicapai. Manusia dilahirkan dengan bertujuan, dan dalam cerita-cerita panji sudah ditentukan bahawa Panji dan Galuh adalah jelmaan Sang Samba dan Dewi Januwati (Abdul Rahman Kaeh, 1989: 93) dan ini dapat disamakan dengan kita manusia biasa yang diciptakan Tuhan yang seterusnya akan kembali kepada Tuhan. Penjelmaan Panji dan Galuh daripada dewa merupakan tema yang cukup lazim terdapat dalam cerita-cerita panji dan ini adalah warisan masyarakat tradisi Jawa. Orang Jawa menganggap bahawa mereka dicipta oleh Betara Guru. Faktor ini terdapat dalam kitab *Tantu Panggelaran* yang ditulis dalam tempoh 1294–1478, iaitu sewaktu pemerintahan kerajaan Majapahit:

> Betara Guru menciptakan sejodoh manusia di Tanah Jawa, yang kemudian berkembang biak. Akan tetapi masih

> telanjang, belum pandai bertutur dan pandai berbuat rumah. Maka diperintahkan kepada para dewa turun ke Tanah Jawa akan memberi pelajaran kepada para manusia supaya pandai berbicara, berpakaian, berbuat rumah, alat-alat dan sebagainya. Betara Vishnu menjadi raja yang pertama di Tanah Jawa bernama Sang Kandiawan, kemudian berputera Sang Mangukuhan, Sang Sandang Garba, Sang Katung Malaras, Sang Karung Kala ....
>
> (Poerbatjaraka dan Hadijaja, 1957: 56–57)

Dongeng di atas dapat juga ditemui dalam *Babad Tanah Djawi* sebagaimana yang disebut sebelum ini dan tidaklah menghairankan jika dikatakan bahawa Panji berasal daripada dewa.

Apabila meningkat remaja, kedua-dua watak Inu dan Galuh dilatih menuntut nilai budaya bangsa Jawa: mereka harus bertatakrama[13] dan harus memegang prinsip *endi sing apik lan endi sing ala* – mana yang baik dan mana yang buruk. Dalam sistem pembelajaran misalnya, kebanyakan puteri raja dilatih agar pintar bertenun seperti yang dinyatakan dalam *Syair Ken Tambuhan*:

> di situlah berhimpun segala puteri
> serta sekalian anak menteri
> disuruhkan ratu permaisuri
> sekalian bertenun sehari-hari
>
> (Teeuw, 1966: 3)

> Di situlah berhimpun segala puteri,
> Serta sekalian anak menteri,
> Dititahkan oleh Paduka Suri,
> Sekalian bertenun sehari-hari.
>
> (Naskhah Koleksi DBP: 2/3)

Begitu juga dengan watak Inu yang telah dilatih mempelajari berbagai-bagai ilmu yang perlu bagi seorang bakal raja:

> Raden pun sangat agus bestari
> segala permainan dipelajari
> serta sekalian anak menteri
> berhimpunlah sekalian isi negeri
>
> (Teeuw, 1966: 9)

Raden pun sangat agus bestari,
Sekalian permainan dipelajari,
Serta segala anak menteri,
Berhimpun sekalian isi negeri.

(Naskhah Koleksi DBP: 5/9)

Peningkatan pendidikan semasa remaja ini jika dikaitkan dengan keremajaan manusia biasa terdapat suatu persamaannya. Misalnya, dalam tradisi Melayu, anak-anak dilatih menurut nilai-nilai masyarakatnya seperti sentiasa patuh dan taat dengan kehendak orang tua.

Semasa meningkat remaja, seseorang individu ini harus menjalani liku-liku hidup yang tidak dapat dianggap mudah, seperti juga dengan kehidupan yang dilalui oleh Galuh dan Inu. Untuk bersama-sama menikmati kebahagiaan mereka terpaksa menghadapi berbagai-bagai dugaan yang kadangkala disebabkan oleh perbuatan manusia seperti yang terdapat dalam *Syair Ken Tambuhan*, dan ada kalanya juga disebabkan kehendak dewa seperti yang terdapat dalam *Panji Narawangsa* (Abdul Rahman Kaeh, 1989: 99). Masa remaja adalah masa pancaroba dan seseorang remaja seharusnya diarahkan ke jalur-jalur hidup yang positif. Dalam cerita-cerita panji, watak Inu dan Galuh sewaktu remaja diarahkan kepada satu tujuan: kedua-duanya harus bersatu kerana mereka telah ditunangkan sejak kecil. Keremajaan yang dilalui oleh Inu dan Galuh sering kali selaras dengan senario yang wujud ketika itu bahawa pemilihan jodoh seharusnya ditentukan oleh ibu bapa dan keluarga tertua. Mereka bukan sekadar memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu, malah diasuh dengan ketahanan emosi dan semangat. Gambaran ini amat ketara dengan kesanggupan mereka berdua untuk dibunuh dan mencabut nyawanya sendiri.

Waktu meningkat dewasa pula merupakan tahap kematangan dan ini dapat dilihat daripada perjalanan cerita panji. Tahap dewasa ini adalah tahap untuk melihat sama ada sesuatu tujuan sewaktu remaja itu tercapai atau tidak. Dalam cerita-cerita panji, bahagian terakhir adalah bahagian pertemuan antara Inu dengan Galuh. Pertemuan ini menandakan matlamat yang diidamkan telah terlaksana.

Kesimpulannya, plot cerita-cerita panji sejajar dengan

perjalanan kehidupan seseorang manusia, iaitu yang bermula dari suatu titik dan berakhir pada suatu titik.

Ciri-ciri Cerita Panji

Ciri-ciri cerita panji juga dapat dilihat dalam kehidupan manusia. Misalnya, keluarga Ratu Jenggala (Kuripan), dalam kebanyakan cerita panji, diklasifikasikan dalam tujuh kelompok (Poerbatjaraka, 1968: 370–371 dan Abdul Rahman Kaeh, 1989: 86):

K I – Menyebut empat orang ratu: Kuripan, Daha, Singasari, Gagelang, tanpa menyebut tokoh Kili Suci.

K II – Menyebut empat orang ratu: Kuripan, Daha, Singasari, Gagelang, dengan menyebut tokoh Kili Suci.

K III – Menyebut empat orang ratu dengan menyatakan nama-nama mereka.

K IV – Menyebut tiga orang ratu lelaki, dan dua orang perempuan. Yang tertua ialah Kili Suci dan yang bongsu berkahwin dengan Ratu Singasari.

K V – Menyebut empat orang ratu lelaki dan dua orang perempuan, yang tertua Kili Suci. Yang bongsu berkahwin dengan Ratu Pudak Setegal. Jadi, Ratu Singasari bukan ipar mereka.

K VI – Menyebut tiga orang ratu lelaki, dan seorang perempuan, tanpa menyebut Kili Suci.

K VII – Menyebut empat orang ratu dengan seorang anak perempuan, iaitu Kili Suci.

Daripada pemaparan di atas dapat disimpulkan bahawa keluarga Ratu Jenggala terdiri daripada empat orang ratu dan seorang wanita sebagai pertapa. Namun yang sering ditonjolkan dalam cerita-cerita panji ialah empat orang ratu yang bersaudara dan saling berhubungan sehingga Inu dari Kuripan (Jenggala) ditunangkan dengan Galuh dari Daha. Empat negara yang berkaitan ini dapat disamaertikan dengan empat mata angin yang dapat

menunjukkan arah. Penunjukan arah ini perlu bagi manusia untuk mencari matlamat yang dituju – apalagi kepada pelaut – agar tidak hanyut dipukul ombak. Dalam kehidupan juga, seseorang manusia itu harus mengetahui matlamat atau arah kehidupannya. Tanpa arah, seseorang manusia itu akan hanyut dalam gelombang kehidupan.

Empat negara bersaudara yang dipaparkan dalam cerita-cerita panji dapat juga dikaitkan dengan empat unsur yang terdapat dalam diri seseorang manusia, iaitu:

tanah
air
api
angin

(A. Samad Ahmad, 1983: 12–13)

Keempat-empat unsur ini melambangkan sikap yang ada pada manusia, iaitu marah (*api*), beremosi (*angin*), aman (*air*), dan sabar (*tanah*) (Ki Wahyu Prastista, 1973: 28). Sekiranya keempat-empat unsur ini tidak dikendalikan dengan sewajarnya, kehidupan seseorang individu tidak akan aman. Seharusnya seseorang individu itu mencari kedinginan dan kedamaian untuk menghilangkan sikap marah dan beremosi. Fenomena ini ada kesamaan dengan keadaan empat negeri dalam cerita-cerita panji yang sering mencari keseimbangan agar persengketaan dan pergeseran dapat dihindarkan.

Pertemuan dan Perpisahan

Umumnya dalam cerita-cerita panji Melayu, kedua-dua watak Inu dan Galuh tidak pernah diketemukan, tetapi mereka berdua telah ditunangkan sejak kecil. Pertunangan adalah suatu ikatan atau perjanjian. Perjanjian sering kali membawa implikasi yang baik. Kadangkala perjanjian tidak terlaksana kerana timbulnya keadaan yang tidak diduga. Hal ini dapat disamakan dengan pengalaman yang dialami oleh watak-watak penting ini, terutama sebelum mereka berdua diketemukan dalam suasana kegembiraan. Dalam pengertian yang lain, untuk hidup bahagia seseorang individu itu harus sanggup menghadapi berbagai-bagai dugaan. Benteng yang paling tepat yang harus dipunyai oleh individu ialah sifat *sabar*, *narima*, *pasrah*, dan *rela* (De Jong, 1976: 17–21). Konsep kehidupan

Jawa inilah yang cuba diungkapkan dalam cerita-cerita panji. Keempat-empat konsep ini ditonjolkan oleh Inu dan Galuh sewaktu dalam pengembaraan.

Pengembaraan

Pengembaraan merupakan salah satu ciri penting cerita panji. Bersama-sama pengembaraan ini terjadi pula beberapa peristiwa lain, antaranya peperangan, penyamaran, pedalangan dan percintaan (Abdul Rahman Kaeh, 1989: 99).

Pengembaraan yang biasa dilakukan oleh Inu berpunca daripada peristiwa Galuh dilarikan tetapi dalam *Syair Ken Tambuhan* Inu keluar berburu, tidak mengembara. Dalam *Syair Ken Tambuhan* edisi A. Teeuw tidak terdapat episod pengembaraan tetapi dalam teks Koleksi DBP ciri pengembaraan dimasukkan terutama sewaktu Raden Panji keluar mencari buah pauh janggi yang menjadi idaman Ken Tambuhan. Begitu juga dengan pengembaraan yang dilakukan oleh anak Raden Inu untuk mencari ayahandanya yang hilang. Walau bagaimanapun, pengembaraan dalam cerita-cerita panji dapat disamaertikan dengan suatu perjalanan hidup manusia menuju ke suatu arah, iaitu hidup bahagia di dunia dan di alam selepas mati. Untuk menjadi pengembara yang berjaya dan bernasib baik, seseorang itu harus mempunyai bekalan yang cukup, sama ada dari segi kekuatan fizikal mahupun mental. Persiapan ini dapat dilihat pada watak Inu atau Galuh dalam penyamaran. Dalam *Hikayat Panji Semirang* misalnya, Galuh telah menyediakan dirinya sebagai pahlawan yang merompak sesiapa sahaja yang lalu di tempat persembunyiannya. Kegagahannya amat digeruni sehinggakan watak Inu sendiri mengagumi kegagahan dan ketampanan Galuh (*Hikayat Panji Semirang*, 1973: 73). Justeru itu dalam setiap cerita-cerita panji pengembaraan dianggap ciri yang penting.

Penyamaran

Dalam *Syair Ken Tambuhan* tidak terdapat episod penyamaran secara jelas seperti yang dilakukan oleh Galuh dalam *Hikayat Panji Semirang*. Namun demikian, mungkin penggunaan nama Ken Tambuhan daripada nama Puspa Kencana juga dapat dikira sebagai penyamaran.

Penyamaran dalam cerita-cerita panji dianggap wajar kerana melalui penyamaran, diri wira atau wirawati tidak akan dapat dikenali dan secara tidak langsung tindakan ini dapat menduga sejauh mana dalamnya cinta seseorang watak yang dicintai. Episod penyamaran ini juga dapat dianggap salah satu ciri cerita-cerita panji. Kehadiran unsur autentik ini memberikan kesempatan yang luas bagi pengarang untuk mengawal arah perkembangan cerita selanjutnya (Abdul Rahman Kaeh, 1989: 104). Selain itu penyamaran ini dapat menimbulkan suasana dramatik – ironi yang tujuan utamanya adalah: "*to underline the conflict between what people would like to do and what they can do, between what people would like to be and what they are*" (Robson, 1971: 28). Gambaran penyamaran secara jelas dapat ditelusuri dalam *Hikayat Panji Semirang* yang menonjolkan watak Galuh yang menyamar dengan berpakaian lelaki di samping menggunakan nama lelaki, iaitu Panji Semirang. Kalau dikaitkan dengan kehidupan manusia, ada kalanya penyamaran juga dilakukan tetapi dalam bentuk yang berbeza.

Kepura-puraan juga dapat dianggap sebagai suatu tindakan penyamaran. Manusia sering berpura-pura kerana tidak mahu perkara yang sebenar diketahui, selain untuk menyedapkan hati manusia lain. Berlagak sebagai orang kaya atau pintar juga dapat dikatakan sebagai perbuatan berpura-pura. Dengan berlagak, seseorang individu itu akan dapat menutup kelemahannya yang sebenar. Jadi, penyamaran ada implikasinya jika dikaitkan dengan kehidupan manusia.

Penukaran nama-nama watak sewaktu menyamar banyak juga didapati dalam cerita-cerita panji, terutama dalam *Hikayat Panji Semirang*, *Misa Taman Jayeng Kusuma*, dan *Panji Jayeng Tilem*. Dalam *Hikayat Panji Semirang*, Galuh menukar namanya kepada Panji Semirang, manakala dalam *Panji Jayeng Tilem*, Galuh menukar namanya kepada Prabu Bali, sedangkan Puteri Onengan menukar namanya kepada Panji Jayeng Tilem.

Penukaran nama dalam masyarakat Jawa sudah menjadi lumrah, seperti penukaran nama anak yang sering sakit atau penukaran nama selepas seseorang kembali menunaikan fardu haji. Kalau seseorang itu sebelum menunaikan haji dia dikenali dengan nama *Samingan*, maka selepas menunaikan fardu haji dia akan dikenali pula sebagai *Haji Abdul Fatah*, misalnya.

Peperangan

Episod ini dianggap salah satu ciri yang amat menarik dalam cerita-cerita panji kerana pada waktu inilah watak-watak utama akan menunjukkan kehandalan dan kekuatan fizikalnya sehingga dapat mengalahkan pihak lawan. Dalam *Syair Ken Tambuhan* Koleksi DBP, episod ini tidak diabaikan oleh penyalin kerana gambaran peperangan antara Raden Panji dengan macan/harimau gadungan penjelmaan dewa dilukiskan pada halaman 143 rangkap 9–10. Dalam rangkap-rangkap ini dikatakan bahawa sang panji begitu tangkas menentang lawan sehingga akhirnya kemenangan dapat diperoleh. Antara lain dapat dilihat sedikit cuplikannya di bawah ini:

> Tikam-menikam terlalu gempar,
> Bunyinya seperti guruh halilintar,
> Pandainya sangat terlalu pintar,
> Lakunya bagai perang yang besar.

Pada dasarnya peperangan terpaksa diwujudkan dalam cerita-cerita panji semata-mata untuk menunjukkan ketokohan wira kerana kekuatan yang ada pada wira bukan datang secara tidak sengaja tetapi sang wira sudah menjalani proses pembelajaran yang lumrah untuk seorang putera atau puteri raja. Dengan adanya episod-episod peperangan ini seseorang putera atau puteri raja dapat mempergunakan segala ilmu yang sudah dipelajari selain untuk membuktikan kebolehannya secara praktikal.

Ciri ini dapat dihubungkaitkan dengan diri manusia itu sendiri: bahawa manusia tidak pernah terpisah daripada konflik dengan orang lain atau yang lebih nyata dengan dirinya sendiri. Penyalin tentu mengetahui bahawa teks *Mahabharata* melambangkan falsafah kehidupan manusia. Hal ini dapat dilihat dalam *Syair Ken Tambuhan* melalui percubaan penyalin menggambarkan ketampanan sang panji seperti ketampanan Arjuna atau Sang Rajuna. Atas dasar inilah episod peperangan dalam *Syair Ken Tambuhan* dianggap wajar diberi tafsiran yang sama. Dengan adanya episod peperangan yang sejajar dengan hakikat pergeseran dan pertelingkahan yang sering berlaku dalam diri manusia maka seseorang itu akan sentiasa memikirkan cara-cara untuk mengatasi konflik ini. Kita melihat lambang kehidupan manusia ini dalam *Syair Ken Tambuhan*.

Kegembiraan pada Akhir Cerita

Fenomena ini juga merupakan salah satu ciri cerita-cerita panji. Dalam *Syair Ken Tambuhan* ciri ini tetap ada dan boleh dianggap sebagai ciri yang semestinya ada dalam cerita ini. Cerita berakhir dengan episod gembira apabila wira dan wirawati kembali hidup bersama-sama dalam satu keluarga. Keadaan ini ada persamaannya dengan cerita lipur lara kerana suasana gembira amat sesuai dengan minat dan keinginan masyarakat lama yang sukar menerima jenis cerita yang berakhir dengan tragedi (Teeuw, 1966: xxviii). Tanggapan Teeuw ini selari dengan fungsi sastera tradisional Nusantara yang mementingkan unsur hiburan sebagai fungsi utamanya (Mohd. Taib Osman, 1974: 24). Setiap karya yang memberikan hiburan dapat dianggap sebagai karya yang menggembirakan. Unsur tragedi agak kurang disenangi oleh masyarakat Melayu seperti yang terdapat dalam cerita *Mahabharata*. Amat kurang cerita saduran *Mahabharata* dalam versi Melayu jika dibandingkan dengan *Hikayat Seri Rama*. *Hikayat Seri Rama* lebih banyak ditemukan dalam dunia sastera Melayu tradisional dalam berbagai-bagai edisi seperti edisi Roorda, Shellabear, dan Maxwell.

Oleh sebab cerita-cerita panji melahirkan kegembiraan pada bahagian akhirnya, cerita ini dapat menarik khalayak di Nusantara. Maka tidaklah menghairankan jikalau cerita ini tersebar luas hingga ke Thailand, Loas, dan Kemboja.

Kesimpulan

Kajian ini hanya menyorot *Syair Ken Tambuhan* sebagai hasil cerita-cerita panji yang menarik yang tertulis dalam bentuk syair. Namun demikian *Syair Ken Tambuhan* masih dapat dianggap sebagai salah satu cerita-cerita panji kerana watak-watak utamanya masih terdiri daripada Inu dan Galuh walaupun kadangkala watak-watak ini menggunakan nama yang berlainan.

Selain dilihat dari segi struktur penulisan, *Syair Ken Tambuhan* juga disorot dari segi makna yang tersirat yang ada kaitannya dengan kehidupan manusia biasa. Perlambangan yang diandaikan sejajar dengan penampilan wayang purwa Jawa yang pada dasarnya merupakan perlambangan realiti hidup manusia. Jadi, berkemungkinan sekali cerita-cerita panji Jawa ditampilkan dengan maksud yang sama. Selama ini pembaca sering diberitahu

bahawa cerita-cerita panji lahir sebagai cerita yang diciptakan dengan tujuan untuk menaikkan citra (imej) pemerintahan kraton Jawa di samping sebagai hiburan. Matlamat cerita-cerita panji diperihalkan dengan tujuan untuk melihat unsur-unsur yang terdapat di dalamnya yang tidak jauh bezanya dengan perjalanan hidup manusia. Manusia perlu dilahirkan, perlu pula dididik secara sempurna menurut nilai-nilai persekitarannya agar pergeseran dapat dihindarkan, di samping berusaha untuk mencapai matlamat kehidupan yang didambakan. Secara sedar *Syair Ken Tambuhan* yang dipaparkan ini amat penting untuk dinikmati dan kerana naskhah ini juga dapat diterima sebagai suatu pengisian memenuhi wadah karya agung yang diingini.

Akhir kata, Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada Ketua Editor Yayasan Karyawan kerana turut menyemak tulisan ini dan membuat beberapa ulasan, pembetulan dan cadangan yang telah kami manfaatkan sewajarnya.

Noriah Mohamed
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

30 Januari 2002

Catatan

1 Senarai cerita panji, sama ada yang berbentuk prosa atau puisi, dipaparkan secara lengkap pada Lampiran 2 halaman 191.

2 Winstedt memberikan tanggapan ini mungkin disebabkan genre ini terikat erat dengan rima-rima yang sama pada akhir setiap baris. Rujukan yang lebih terperinci dapat dilihat dalam R.O. Winstedt, 1940. "A History of Malay Literature" dlm. *JMBRAS*, XVII, III, hlm.127.

3 Pandangan Hollander ini dapat dilihat dalam J.J. de Hollander, 1882. *Handleiding bij de beofening der Maleische Taal- en Letterkunde*, hlm. 306 – dipetik juga oleh Teeuw, 1966: xxxv.

4 Klinkert menyatakan bahawa puisi Melayu (terutama syair ini) tidak boleh disamaratakan dengan puisi Jawa, melainkan mengatasinya dalam segala hal (Teeuw, 1996: xxxv).

5 *Tembang macapat* ialah sejenis puisi Jawa yang dikenali juga sebagai *sekar* dan pengucapannya harus dilagukan menurut irama-irama yang tertentu (lihat Noriah Mohamed, 1977: 439–465).

6 *Puruakanthi* bermaksud persamaan bunyi, sajak (lihat Subalidinata, R.S., 1974. *Sarining Kasusastran Djawa*. Yogyakarta: Teladan).

7 Lagu-lagu syair ini dapat didengar melalui radio sewaktu penyiaran cerita-cerita yang ada kaitan dengan cerita/purbawara dan bangsawan.

8 Emban ada kalanya dikenali sebagai pengasuh, dan dua tokoh yang biasa terdapat dalam cerita lipur lara Melayu ialah Si Kembang Cina dan Bujang Selamat (lihat *Hikayat Malim Dewa*, 1973. Kuala Lumpur: Fajar Bakti).

9 Setelah genap bulannya sembilan bulan sepuluh hari maka tuan puteri pun geringlah hendak bersalin. Maka berhimpunlah bidan ketujuh dengan isteri orang besar-besar sekalian, masuk ke dalam istana mengadapi gering tuan puteri itu .... Maka seketika itu hujan panas pun turun rintik-rintik bahasa, pelangi minum membaris di atas angkasa. Maka tuan puteri pun berputera seorang laki-laki ...." (*Hikayat Malim Dewa*, 1973. Kuala Lumpur: Fajar Bakti).

10 Kematangan seseorang individu berbeza, misalnya seorang kanak-kanak perempuan lebih cepat kematangannya daripada kanak-kanak lelaki.

11 Kedudukan wanita Jawa dan Melayu biasanya hampir sama jika disorot daripada kaca mata Islam (K.H. Moenawwar Chalil, 1977. *Nilai Wanita*. Semarang: Ramadhani).

12 Jurudeh dan Persanta dikenali sebagai Kyai Bancak – Doyok dalam *Panji Jayeng Tilem*.

13 *Tatakrama* daripada bahasa Jawa bermakna adat sopan santun dan budi pekerti yang baik, tataadab, basa-basi (*Kamus Dewan*, 1996: 1383).

Syair Ken Tambuhan

(Transliterasi)

Bahwa ini suatu Syair Ken Tambuhan, suatu cerita juga daripada keturunan raja-raja Jawa, anaknya oleh Ratu Kuripan dengan Ratu Daha. Demikianlah adanya. Tersalin dengan bahasa Melayu Jawi tertera di dalam negeri Mangkasari bilad Kampung Melayu kepada tiga likur hari bulan Rejab, pada hari Arba'a tarikh 1256 Sanat al-Ba' adanya.

1

engarkan kisah suatu riwayat,
Orang dahulu empunya hikayat,
Madah nin tidak banyak ibarat,
Sekadar kisah juga disurat.

Inilah cerita Ken Tambuhan,
Puteranya Ratu menjadi tawanan,
Jika sungguh khabar yang demikian,
Segala yang mendengar belas kasihan.

Seri Nara Cempaka Jajar,
Baginda bangsawan yang muktabar,
Takhta kerajaan yang amat besar,
Beberapa ratus hulubalang dan lasykar.

Beberapa ratu yang makota,
Takluk dan khidmat di bawah takhta,
Persembahkan ufti emas permata,
Sekalian mengikut titah Sang Nata.

Beberapa puluh buah negeri,
Persembahkan segala para puteri,
Kasih Sang Nata dan Permaisuri,
Diberikan daripada segala para puteri.

Masing-masing hendak berbuat bakti,
Ke bawah telapakan Ratu pati,
Mengaturkan hasil tiada berhenti,
Emas dan perak berapa puluh keti.

Setelah dipersembahkan hamba dan sahaya,
Mana sekadar kuasa ia,
Barang yang tidak daya upaya,
Mana yang dapat kepada dia.

Diperbuat baginda berkota batu,
Di dalamnya ada kolam suatu,
Terlalu indah tamannya itu,
Tempat menaruhkan anak para ratu.

Beberapa puluh buah istana,
Diisi kolam jambangan ratna,
Bunga dan kuntum berbagai warna,
Berapat dengan pohon angsana.

Beberapa puluh buah balai,
Perbuatannya indah terlalu ramai,
Pahat dan ukir bunga setangkai,
Keluk tembusu berbagai-bagai.

Diperbuatnya balai empat puluh ruang,
Ditunggu semua[1] tidak yang kurang,
2 | Diatur cermin kaca diselang,
Disinar syamsu gilang-gemilang.

Di dalamnya banyak para puteri,
Anak Ratu di Tanjung Puri,
Dititahkan oleh Permaisuri,
Sekalian bernanti sehari.

Di situlah berhimpun segala para puteri,
Serta sekalian anak menteri,
Dititahkan oleh Paduka Suri,
Sekalian bertenun sehari-hari.

Di dalam puan banyak para puteri,
Anak Ratu di Tanjung Puri,
Dikasihi Sang Nata dan Permaisuri,
Dilebihkan daripada segala para puteri.

Parasnya seperti bidadari indera,
Seorang pun tidak banding tara,
Sempurna akal budi bicara,
Patutlah jadi penglipur lara.

Namanya Raden Puspa Kencana,
Lakunya bijak laksana,
Akal bicaranya amat sempurna,
Sifatnya lengkap hamba laksana.

Zaman itu sukar dicari,
Manis seperti Mandudari,
Eloknya tidak lagi terperi,
Tiada berbanding di dalam negeri.

Empat belas tahun umurmu tuan,
Dinamai Ratu Ken Tambuhan,
Cantik manis barang kelakuan,
Memberi hati bimbang dan rawan.

Sekalian hairan memandang parasnya,
Kasih dan sayang rasa cintanya,
Terlalu baik budi bahasanya,
Patutlah dengan tegur sapanya.

Ada kepada suatu silam,
Melungguh di atas geta pualam,
Bermain sampai jauhnya malam,
Puteri merapat di atas tilam.

Ditunggui oleh Ken Penglipur,
Serta Ken Tambuhan duduk beratur,
Kata adinda marilah tidur,
Janganlah banyak kata dan tutur.

3 | Raden puteri suda(h) beradu,
Kita kedua duduk bertunggu,
Janganlah banyak diri bercumbu,
Tahulah beta diri berilmu.

Adapun Ken Tambuhan,
Bermimpi bulan jatuh ke ribaan,
Cahayanya limpah sekalian badan,
Pinggangnya dibelit naga gentaran.

Terkejutlah ia lalu terjaga,
Hairan fikir ia seketika,
Di dalam hatinya adalah duka,
Mimpi nin apa ertinya juga.

Rasanya berdebar arwah melayang,
Mengalih mengucap wajah gemilang,
Seketika berfikir hari pun siang,
Bangunlah segala dayang-dayang.

Ken Tambuhan bangun basuh muka,
Hatinya sebal terlalu duka,
Berdatang sembah sekalian kaka,
Mengapakah tuanku berupa duka.

Patik pandang selaku bercinta,
Apakah dibimbangkan emas juita,
Ken Tambuhan mengucap menyahut kata,
Kakang we engkau katalah beta.

Marilah kakang kita mandi,
Kerana hari suda(h)lah tinggi,
Orang bekerja pergi tadi,
Aku juga belumlah pergi.

Lalu mandi Ken Tambuhan,
Digosok oleh Ken Tadahan,
Suda(h)lah bersalin kapan,
Lalu memakai ba[h]u-ba[h]uan.

Ken Tambuhan pun suda(h) berhias,
Berkampu(h) pula jingga pengawas,
Berkemban kesumba diantelas,[2]
Ditulis dengan air emas.

Berkamar ikat Melayu,
Bersubang lontar perbuatan bayu,
Indahnya tidak dapat dipayu,
Segala yang memandang hairan termangu.

Bergelang kana dua sebelah,
Ditatah dengan permata merah,
4 | Bibirnya nipis terlalu cerah,
Giginya laksana delima merekah.

Bercincin emas permanis jari,
Intan ditatah lazuardi,
Diikat dengan permata pudi,
Bersambut dengan canggai di kiri.

Bersunting bunga cempaka digubah,
Berpatutan dengan mulia yang indah,
Tubuhnya halus sederhana rendah,
Mengorakkan[3] senyum manis bertambah.

Setelah suda(h) puteri memakai,
Ditentang indah terlalu permai,
Di dalam dunia tiada berbagai,
Segala yang memandang hairan terlalai.

Parasnya seperti gambar wayang,
Bagaikan lenyap kakanda memandang,
Cahaya durjanya gilang-gemilang,
Segala yang menentang kasih dan sayang.

Sehingga memakai lakunya sendu,
Semayam di atas peterana baldu,[4]
Wajah yang manis berupa pilu,
Rasanya badan sangatlah lesu.

Duduk berfikir di dalam hati,
Betapa gerangan ertinya mimpi,
Sepertikan lenyap rasanya diri,
Apa juga gerangan peri.

Lalu disantap Ken Tambuhan,
Kakangnya kedua berayapan,
Santap sirih di dalam puan,
Serta memakai ba[h]u-ba[h]uan.

Suda(h) disantap sirih sekapur,
Minta kepada Ken Penglipur,
Marilah kita ke balai luksur,
Janganlah leka dengan bertutur.

Puteri pun turun lalu berjalan,
Diiringkan pengasuh sekalian,
Ken Penglipur mangku puan,
Membawa kendi Ken Tadahan.

Setelah sampai ia ke balai,
Terlalu manis membuang lambai,
Terkibarlah puncanya sebai,
Patutlah dengan sunting dan malai.

5 | Demi ditentang segala puteri,
Sekalian menegur durja berseri,
Adu(h)[5] adinda agus bestari,
Mengapakah datang tinggi hari.

Persilakan ke mari adinda tuan,
Usul yang manis muda bangsawan,
Tersenyum manis Ken Tambuhan,
Menyahut madah puteri sekalian.

Sangatlah arif hatinya beta,
Mendengar Ken Penglipur bercerita,
Pandainya amat berbuat kata,
Berbagai hikayat dengan berita.[6]

Ken Tambuhan duduk pada tempatnya,
Di sebelah pintu peranginannya,
Berbagai jenis rupa permainannya,
Terlalu indah perbuatannya.

II

Tersebutlah perkataan Ratu pati,
Putera nan elok Kertapati,
Khuluk[7] dan sifat bagai di hati,
Bagaikan lenyap di mata hati.

Parasnya elok tiada bertara,
Asalnya turun dari udara,
Sempurna akal budi bicara,
Raden tidak bersaudara.

Tujuh[8] belas tahun umurnya baginda,
Terlalu kasih ayahanda dan bonda,
Diberinya dengan inang dan kanda,
Serta pengasuh anak biduanda.

Diperbuat baginda sebuah istana,
Lengkap dengan jambangan ratna,
Akan Inu bijak laksana,
Berbagai tulis ada di sana.

Raden pun sangat agus bestari,
Sekalian permainan dipelajari,
Serta segala anak menteri,
Berhimpun sekalian isi negeri.

Sentiasa memalu bunyi-bunyi,
Sehari-hari tidaklah sunyi,
Datang berhimpun dari sana sini,
Makan dan minum tidak berhenti.

Suda(h) bermain mengadap Sang Nata,
Baginda pun sangatlah sukacita,
Pada Permaisuri baginda berkata,
Adinda we apa bicara kita.

Beta berfikir seorang diri,
Putera pun layak suda(h) beristeri,
Di mana gerangan kita cari,
Yang sebanding dengan Anak Menteri.

Permaisuri tersenyum seraya katanya,
Pada kakang Patih baik bertanya,
Jikalau ada mendengar wartanya,
Ratu yang mana ada puteranya.

Raden pun tunduk seraya tersenyum,
Manisnya seperti mas sinom,
Laksana serbat akan diminum,
Lalu bertitah Ratu yang anom.

Titah baginda manis berseri,
Patih we hampir engkau ke mari,
Aku nin hendak bertanya sendiri,
Di mana gangkah ada para puteri.

Patih khidmat berdatang sembah,
Ampun tuanku daulat bertambah,
Patik mendengar khabar yang sah,
Di Banjar Kulon puteri yang indah.

Patutlah dengan Raden Menteri,
Parasnya seperti bidadari,
Khabarnya elok tiada terperi,
Terlebih daripada segala para puteri.

Titah Ratu jikalau demikian,
Baik kita menyuruh utusan,
Raja penoman kakang hadirkan,
Parasnya indah kita pinangkan.

Hendaklah kakang berlengkap lasykar,
Kerja nin jangan berura-ura,
Manis bertitah Seri Betara,
Sambil memandang kepada putera.

Adakah tuan mahu beristeri,
Seraya tersenyum manis berseri,
Tidak malu Raden Menteri,
Supaya ayahanda pinangkan puteri.

Terlalu gemar hati Sang Nata,
Bertitah tertawa we makota,
Janganlah malu tuan berkata,
Yang malu tuan kehendak di dalam ci(n)ta.

....[9]

9 | Memandang rupa Raden Inu,
Kepada mata tidak jemu,[10]
Di dalam hatinya bagai ditunu,
Segala yang memandang hairan termangu.

Sangat letih tiada berketahuan,
Melihat Raden lalu berkawan,
Katanya aduh emas tempawan,
Marilah masuk ke peraduan.

Aria ningsun batu kepala,
Turunlah ubat sakit gila,
Dari penyakit dari semula,
Memandang puteri bernyala-nyala.

Padamkan api ini yang nyala,
Supaya badan beroleh kala,

Kerana badan terlalu lelah,
Sesak fikir badan segala.

Aduh emas Seri Pangeran,
Patik nin rindu kerana tuan,
Patik nin hamba ke bawah telapakan,
Barang kehendak tuan lakukan.

Setengah berkata suaranya mersik,
Ada yang setengah sambil berbisik,
Emas merah usul yang cantik,
Tuanku nanti apalah patik.

Ada menenang dari jauh,
Siapa gerangan hendak kusuruh,
Mulutnya itu patut digocoh,
Sebarang oleh kata dibubuh.

Setengah mendengar terlalu suka,
Pangeran nin apa kepada mika,
Makanya duduk berbeka-beka,
Tidak sekali menaruh sangka.

Semena-mena duduk bercinta,
Bukannya patut padanya kita,
Jikalau kedengaran kepada Sang Nata,
Bukannya diri beroleh nista.

Tidak sekali tahukan diri,
Memberi sakit hati sendiri,
Jikalau berapa gila dan berahi,
Masakan ingin Raden Menteri.

Segala kedayan lalu bersusun,
Tertawa memandang dayang berhimpun,
Ke atas aduh aria ningsun,
Mabuklah orang pada pakulun.

Raden tersenyum sedikit juga,
Mendengarkan kedayan berjenaka,
Serta terpandang taman angsoka,
Baharulah hatinya baginda suka.

Setelah Raden sampai ke taman,
Semuanya berhimpun sekalian teman,
Hairan melihat kuntum di taman,
Serindit pun banyak berlanggaran.

Raden pun segera mengambil sumpitan,
Dilihatnya burung banyak sekalian,
Hinggap segenap pohon rambutan,
Burungnya datang berlompat-lompatan.

Setengah di pohon nagasari,
Terbanglah ia pergi ke mari,
Selaku menegurkan Raden Menteri,
Raden berjalan mengampiri.

Oleh Inu lalu disumpit,
Kenalah seekor burung serindit,
Jatuh ke pohon cempaka berapit,
Ke dalam pagar kota yang sulit.

Serindit terbang jatuh perlahan,
Hinggap di tenunan Ken Tambuhan,
Berdatang sembah Ken Tadahan,
Tuanku cuba tangkap perlahan.

Seperti disuruh orang ke mari,
Burung nin datang menyerahkan diri,
Ken Tambuhan bangkit segera berdiri,
Hendak ditangkap burung pun lari.

Serindit melompat dengan perlahan,
Hinggap di sisi Ken Tambuhan,
Tersenyum berkata Ken Tambuhan,
Burung nin memberi tuan kesusahan.

Raden bertitah kepada Wira Dani,
Kakang ke mana burungku tadi,
Hendak ditangkap bawa ke mari,
Supaya kakang kusalini.

Wira Dani menyembah segeralah pergi,
Katanya ke mana burung nin tadi,
Jikalau di dalam kota yang tinggi,
Betapalah bicara tipu lagi.

11 | Berjalanlah ia pergi seorang,
Lantas ke pintu yang berkerawang,
Dilihatlah dari sebelah lubang,
Dilihatnya burung ada terbang.

Wira Dani kembali datang sembah,
Burung tuanku ada dalam kubah,
Patik melihat dari celah lidah,
Ada di sisi perempuan yang indah.

Raden pun fikir pergi ke situ,
Dilihatnya dari kota batu,
Katanya kakang siapa itu,
Lakunya seperti anak para ratu.

Serta terpandang hatinya berdebar-debar,
Selaku tidak menaruh sabar,
Arwah melayang berahi terkibar,
Seumpama penyakit tiada tertambar.

Hairan tercengang tiada terkata,
Lalailah dengan pandangan mata,
Adu(h) ingsun emas juita,
Tuanlah terghairah di dalam cinta.

Wajah yang manis pucat berubah,
Kepada Ken Tambuhan pergilah sudah,
Tunduk berfikir bertambah gundah,
Hendak berbalik seraya salah.

Wira Dani tersenyum gemar rasanya,
Tahulah akan kehendak tuannya,
Ada menaruh masyghul dalam hatinya,
Bertambah manis dengan serinya.

Dilihatnya Raden hairan tercengang,
Berdatang sembah dari belakang,
Pangeran we baik berangkat pulang,
Janganlah ingin di anak orang.

Patik nin sudah mendengar warta,
Puteri tawanan konon semata,
Ditaruhkan oleh duli makota,
Tuanku jangan berosak cinta.

Janganlah kiranya tuanku hampiri,
Kerana dikawal ia Paduka Suri,
Jikalau tuanku sudah beristeri,
Demikian tidak ayahanda beri.

Raden bertitah durja berseri,
Tiadalah kakang aku kembali,
12 | Penunggu pintu dipanggil ke mari,
Aku nin hendak bertanya sendiri.

Wira Dani segera pergi,
Katanya paman segeralah mari,
Titah dipanggil Raden Menteri,
Paman pun takut dengan berlari.

Serta datang duduk menyembah,
Kepalanya tunduk lalu ke tanah,
Raden tersenyum seraya bertitah,
Paman we buka pintu kubah.

Berdatang penunggu pintu,
Patik nin takut dilarangkan Ratu,
Disuruh kawal di kota batu,
Seorang pun tidak berani ke situ.

Raden bertitah berseri muka,
Merah padam warnanya muka,
Hendaklah segera engkau nin buka,
Aku nin masuk seorang juga.

Jika tiada mahu engkau nin sungguh,
Sekarang kucincang kepala luluh,
Paman aji boleh menyuruh,
Aku nin tidak boleh membunuh.

Penunggu pintu terlalu takut,
Tubuhnya gementar tulangnya gemelugut,
Sepatah tidak berani menyahut,
Kunci pintu segera[11] dipaut.

Dibuka pintu olehnya paman,
Baharulah hatinya beroleh nyaman,
Melangkah masuk ke dalam taman,
Di luar pintu ditinggalkan teman.

Tatkala masuk Raden Menteri,
Dilihatnya segala oleh para puteri,
Sekalian itu habislah lari,
Ken Tambuhan juga tinggal sendiri.

Raden pun dari belakang,
Dicapainya torak tangan dipegang,
Ken Tambuhan terkejut seraya memandang,
Di dalam hatinya siapa gerangan.

Inilah gerangan anak Sang Nata,
Parasnya elok bagai dipeta,
Hendak lari ke balik kota,
Raden tersenyum seraya berkata.

13 | Aduh emasku bidadari,
Ke mana jiwaku hendak lari,
Sebab pun kakang datang ke mari,
Hendak bertanya tuan sendiri.

Aria ningsun durja berseri,
Tuanku jangan takut dan ngeri,
Di mana tempat desa dan negeri,
Sebagaimana tuan ke mari.

Yayi apa namamu tuan,
Kain apa nama tenunan,
Ken Tambuhan tunduk kemalu-maluan,
Hatinya berdebar tiada berketahuan.

Berdatang sembah dengan perlahan,
Suaranya manis memberi rawan,
Nama patik Ken Tambuhan,
Geringsing wayang nama tenunan.

Dititahkan oleh Paduka Suri,
Sekalian bertenun sehari-hari,
Akan petiban tuanku beristeri,
Ke Banjar Kulon meminang puteri.

Raden bertanya sambil tertawa,
Manisnya seperti gula derawa,
Aria ningsun utama jiwa,
Cahaya mata kakang kedua.

Emas merah sampun pakulun,
Tidaklah kakang ke Banjar Kulon,
Kepada tuan suda(h) terhimpun,
Hati pun kakang bagai diruntun.

Dipegang tangan seraya dibujuk,
Tuanku nyawa durja yang elok,
Perasaan kakang suda(h)lah mabuk,
Remuklah badan menjadi serbuk.

Ken Tambuhan terkejut berdebar hati,
Takut dimurkai Seri Bupati,
Jika demikian laku pekerti,
Di situlah gerangan ajalku mati.

Makin berfikir bertambah gundah,
Durja yang manis pucat berubah,
Rasa hati sangat ghalabah,[12]
Suaranya manis mengeluarkan madah.

Tuanku lepaskan tangan patik,
Baik tuanku segera balik,
14 | Dipandang orang tiada baik,
Patik nin suda(h) menjadi milik.

Dilepaskan tangan kain ditarik,
Raden berkata sambil berbalik,
Aduh emasku petah cerdik,
Patutlah abang dengannya adik.

Aria ningsun wajah gemilang,
Parasnya yang elok bukan kepalang,
Kepada tuan suda(h) terpandang,
Seganlah rasanya kakanda pulang.

Ken Tambuhan tunduk seraya menangis,
Rasanya hati bagai dihiris,
Dibujuk dengan kata yang manis,
Seperti segara madu kandis.

Tuanku jangan berbanyak cura,
Patik nin hendak bekerja segera,
Murkalah kelak Paduka Betara,
Patik juga beroleh cedera.

Raden pun belas seraya berkata,
Takutkah tuan akan ayahanda bonda,
Jikalau dimurkai oleh baginda,
Atas kakang menggalangkan dada.

Segan kakang metu meninggalkan tuan,
Remaklah kita mati bersamaan,
Janganlah takut emas tempawan,
Kata nin tidak kakang mungkirkan.

Hilanglah arwah Ken Tambuhan,
Mendengarkan kata Inu bangsawan,
Rasanya tidak lagi berketahuan,
Gundah-gulana kepilu-piluan.

Kakanda kedua berdatang sembah,
Memohon ampun kurnia yang limpah,
Janganlah demikian tuanku bertitah,
Patik nin hamba bawah perintah.

Baiklah tuanku berangkat kembali,
Patik nin hamba terlalu ngeri,
Takut dimurkai Paduka Suri,
Baiklah tuanku pohonkan sekali.

Raden bertitah seraya memandang,
Tiadalah kakang beta nin pulang,
Biarlah jiwaku di sini hilang,
Yayi nin sahaja beta julang.

Sebalnya hati Ken Tambuhan,
Gundah rasanya tiada berketahuan,
Disorongkan torak dijatuhkan,
Lalulah bangkit perlahan-lahan.

Dipegangkan Raden dengan sukacita,
Lehernya dipeluk seraya berkata,
Hendak ke mana emas juita,
Kakang nin hendak pergi serta.

Berdatang sembah pula Ken Tambuh,
Torak patik sudah jatuh,
Raden menyahut sambil mengeluh,
Kakang nin baik patut disuruh.

Janganlah fikir sendiri,
Biarlah kakang pergi mencari,
Lalulah turun Raden Menteri,
Ken Tambuhan bangkit segeralah lari.

Raden pun mengeluh[13] seraya memandang,
Dilihatnya Ken Tambuhan turun pulang,
Segera diikut dari belakang,
Serta sampai tangan dipegang.

Seraya tersenyum manis berseri,
Pada penggawa menteri suruh cari,
Pauh janggi segera bawa ke mari.

Segera hilang segala menteri,
Mencari buah pauh janggi,
Segenap hutan desa negeri,
Tidaklah dapat barang sejari.

Sekalian penggawa menteri,
Membawa buah-buahan sehari-hari,
Seribu jenis idaman dicari,
Dia terkena kepada Permaisuri.

Mangkin sangat hairan baginda,
Santap sedikit barang yang ada,
Ayuh we tuan cahaya kakanda,
Hilanglah lapar dengan dahaga.

129| Mangkin sangat hairan baginda[h],
Dengan manis suaranya bersabda[h],
Ayuh tuan cahaya kakanda[h],
Buah tak dapat hatinya gundah.

Permaisuri tunduk seraya berkata,
Kasih terjunjung di atas beta,
Sangatlah letih rasa anggota,
Santap tak sedap rasanya ci[n]ta.

Menyuruh segala handai dan taulan,
Ada yang berlayar ada yang berjalan,
Siang dan malam tiada berputusan,
Masing-masing diberi dengan perbekalan.

Selama ingin Permaisuri,
Berlaksa ribu suda(h) diberi,
Menyuruhkan kepada segenap negeri,
Mencari buah pauh janggi.

Dipeluk dicium seraya bersabda,
Aduh jiwa cahaya kakanda,
Tangkai hati cahaya mata,
Janganlah sangat sakit adinda.

Dengan sebenarnya tuan berkata,
Sangatlah susah pemandangan mata,
Jiwaku jangan sangat bercinta,
Serta pohonkan kepada dewata.

Dayang dan mandur angkat persantapan,
Adinda mari kita nin makan,
Santap sedikit dimu(n)tahkan,
Diadap dayang menteri sekalian.

Demi Permaisuri menengar kata,
Terlalu belas di dalam cinta,
Santap sedikit tiada bercinta,
Serta berhamburan airnya mata.

Melihat Permaisuri tak santap ini,
Berkatalah ramai sekalian puteri,
Pangeran terlalu sampai hati,
Susunan tiada pergi sendiri.

Sepuluh menyuruh penggawa menteri,
Tiadakan sama Kakang Menteri,
Pangeran mendengar dengan sendiri,
Tersenyum manis seraya berseri.

Pangeran pun dengar sindiran rata,
Manis tersenyum seraya berkata,
Esoklah adinda seraya tertawa,
Janganlah emas pilu dan cinta.

Jika kakanda pergi mencari,
Apa upah kakang diberi,
Tiga tahun sembilan hari,
Belum bercerai barang sehari.

Emas merah tinggallah tuan,
Seraya mengerling puteri sekalian,
Kakanda pamit pergi ke paseban,
Beratan segala kepada utusan.

Raden pun pergi keluar kota,
Datanglah Patih persembahkan warta,
Pauh janggi sudah dicari rata,
Melainkan ampun seri makota.

Adalah khabarnya pauh janggi,
Di *p.u.t.i.r.*[71] tasik batangnya terdiri,
Terlalu sukar tidak terperi,
Ditunggu geroda laki isteri.

Demi perkhabaran mendengarkan sembah,
Hatinya masyghul terlalu gundah,
Terlalu sukar bukannya mudah,
Pangeran pun diam tunduk tengadah.

Setelah sudah berkata-[ber]kata,
Pangeran pun masuk ke dalam kota,
Dekat adinda seraya berkata,
Terlalu sukar emas juita.

Demi sekalian puteri mendengar kata,
Tunduk terhambur airnya mata,
Sesalnya tidak menderita,
Pilu dan belas di dalam cinta.

Setelah pun pamit pulang beradu,
Apa gerangan sangatlah lusu(h),
Rasaku ini terlalu pilu,
Berkata kepada inang pengasu(h).

Rasa hatiku sangatlah walang,
Akan ditinggalkan orang berperang,
Arwah melayang semangat terbang,
Apa gerangan padanya datang.

Satu malam sudahlah hari,
Bujuk dan cumbu manis berseri,
Seraya berkata kepada isteri,
Kakanda pamit mendapatkan puteri.

131| Bersambil bergurau fikir pula ada,
Pangeran tersenyum seraya bersabda,
Aduh emasku bangsawan muda,
Bermohon pakulun mendapatkan adinda.

Aria ningsun emas juita,
Itu pun lamun suka juita,
Tuan setuah kakanda berkata,
Tiadalah ghalat kepada cinta.

Dipeluk dicium diberinya sepah,
Serta puji perkataan yang indah,
Patik tiada melalui titah,
Ia pun tersenyum seraya bermadah.

Janganlah tuanku demikian bertita(h),
Bukannya patik hendak lupa[h],
Patik pun melarang di dalam perinta(h),
Seperti umpama sehelai gempita[h].

Pangeran tersenyum manis berseri,
Seraya tunduk sepah diberi,
Adinda angkasa bijak bestari,
Pada bermadah tiada terperi.

Bersenda bergurau dua laki isteri,
Madah dan cumbu tiada terperi,
Lalu beradu Permaisuri,
Pangeran mendapati segala puteri.

Pangeran pun hadir sampai ke tempatnya,
Ia pun suda(h) dengan alatnya,
Terlalu manis akan sifatnya,
Pangeran pun duduk hampir dekatnya.

Serta dilihat Pangeran datang,
Ia pun tunduk seraya memandang,
Pangeran tersenyum seraya menentang,
Paras pun molek wajah gemilang.

Tunduk malu puteri sekalian,
Sambil tertawa memandang Pangeran,
Emas merah adinda sekalian,
Kakanda pula tuan sandarkan.

Mendengar kata manis derawa,
Daripada susah jadi tertawa,
Katanya adinda sekalian nyawa,
Pandai berkata sekalian jiwa.

Di manakan hati tiada terikat,
Sekaliannya sangat hendak mengikat,
132| Daripada jauh hendak berdekat,
Kakanda pula diumpat-umpat.

Di dalam demikian tiadalah salah,
Tuan sekalian menyuruh kakang pergilah,
Barang yang ada ditolongi Allah,
Pauh janggi dicari segera dibelah.

Senda-bersenda bersuka-sukaan,
Ia pun pamit puteri sekalian,
Masuk beradu raja bangsawan,
Melakukan kasih dengan kasmaran.

Ia pun sudah berkasih-kasihan,
Santaplah sirih sepah disuapkan,
Aria ningsun tinggallah tuan,
Kakanda pamit hendak berjalan.

Pangeran berjalan manis berseri,
Lalu mendapati kuda dan isteri,
Semuanya rawan tiada terperi,
Alamat Pangeran hendak bercerai.

Wajah gemilang amat berseri,
Masuk peraduan sehabis puri,
Sekaliannya rata tiada yang gari,
Bujuk dan cumbu tiada terperi.

Pangeran tersenyum mengeluarkan madah,
Puteri pun pilu mendengarkan sabda,
Hilanglah masyghul di dalam dada,
Terlalu suka rasa kakanda.

Adinda jangan berhati gundah,
Esoklah tuan kakanda pergilah,
Bujuk dan cumbu seraya bermadah,
Sekaliannya adinda tuan tinggallah.

Berjalan rata sekalian istana,
Mengelilingi perarakan dengan mandurnya,
Terlalu suka dengan bunyinya,
Sekalian habis didapatnya.

Suka rasanya serta rawan,
Lalu berangkat ke permandian,
Sudah disiram bersalin pakaian,
Lalu memakai bau-ba[h]uan.

Serta datang memeluk isteri,
Bangunlah tuan daripada sari,
Hari nin sudah tinggi hari,
Tuan ampunkan sehari-hari.

133| Permaisuri bangun basuh muka,
Berupa masam sedikit juga,
Segera dibujuk dengan seloka,
Dibawa bergurau dengan jenaka.

Setelah kalbunya sudahlah senang,
Persantapan diangkat dayang-dayang,
Pangeran tersenyum seraya menentang,
Dipimpin tangan lalu dipegang.

Ramailah santap tiada terperi,
Diadap dayang angkasa jauhari,
Tinggallah tuan sekaliannya diri,
Kakanda pergi esok hari.

Serta mengerling puteri sekalian,
Kalbunya gundah bercampur rawan,
Berkata seraya kepilu-piluan,
Entahkan pergi sebelah wetan.

Bertitah dengan manis suara,
Sekalian ada di dalam pura,
Seraya jangan berura-ura,
Sungguhlah tinggal di dalam negara.

Tambahan pula tuan adinda,
Semua yang tinggal banyak berbicara,
Kakanda nin pergi dengan segera,
Meninggalkan tuan berkira-kira.

Kakanda pamit emas jauhari,
Tiada lama meninggalkan negeri,
Jikalau beroleh[72] yang kakanda cari,
Segera juga kakang ke mari.

Suda(h) berhimpun sekalian menteri,
Berbunyilah nobat dengan nafiri,
Semuanya hadir suda(h) menteri,
Pangeran pun memeluk isteri.

Emas merah ratna tempawan,
Jiwa kakanda tinggallah tuan,
Bertemulah mulut sepah disuapkan,
Pangeran pun ngerling seraya berjalan.

Setelah suda(h) berjalan Raden Menteri,
Diiringkan sekalian isi negeri,
Sampai ke paseban menjunjung duli,
Tuanku pamit patik pergi.

Ia berkata kepada ayah dan bonda,
Puteri sekalian putera anakanda,
134| Jikalau ada satu bahaya anakanda,
Puteri sekalian putera anakanda.

Ayah dan bonda mendengarkan pesan,
Hatinya belas serta kasihan,
Dipeluk dicium bertangis-tangisan,
Janganlah pergi anakku tuan.

Baginda berkata tidak tertahan,
Arwah hilang tiada berketahuan,
Puteraku nyawa ayahanda tuan,
Janganlah lama meninggalkan kerajaan.

Putera menyembah seraya berkisar,
Patik nin pergi barang sebentar,
Anakanda ingin sangatlah gentar,
Pekerjaan itu terlalu sukar.[73]

Putera baginda memandang seraya bertita(h),
Ke marilah tuan cahaya mata,
Dipeluk dicium sekalian rata,
Putera kuserahkan kepada dewata.

Pamit menyembah Seri Pangeran,
Patik berjalan tiada berketahuan,
Anakanda sekalian bonda peliharakan,
Ayahanda jangan tuan biarkan.

Raja muda yang bangsawan,
Khidmat menyembah di bawah telapakan,
Lalu keluar dari paseban,
Berpesan kepada menteri sekalian.

Baik-baik tuan tinggal sekalian,
Mamanda jangan ayahanda *s.a.p.i.k.n.*,[74]
Lalu naik ke atas jaran,
Segala yang memandang hatinya rawan.

Menteri menyembah sepuluh jari,
Tuanku jangan lama meninggalkan negeri,
Ingatkan ayahanda penggawa menteri,
Adinda sekalian di dalam puri.

Berjalan sampai ia ke hutan,
Mampir bermain mengiburkan rawan,
Ingatkan isteri seri keinderaan,
Tinggallah tuan dengan kedudukan.

Akan Sang Nata laki isteri,
Kasih dan sayang tiada terperi,
Kepada menantunya Permaisuri,
Barang yang ada suruh antari.

135| Mangkin sehari kasih bertambah,
Barang maksudnya tiadalah salah,
Laksana minyak digantung limpah,
Sedikit tiada diberi tumpah.

Raden sampai ke tengah jalan,
Dengan segala alat kelengkapan,
Lalu menuju ke sebelah kanan,
Tombak dan khanjar berkilatan.

Langkahlah sudah ia berjalan,
Diiringkan penggawa menteri sekalian,
Sampailah ia ke dalam hutan,
Lalu lantas ke sebelah wetan.

Dilihat kiri kanan jalan,
Hanyalah bunga yang kelihatan,
Burung dan bayan bertenggeran,
Di batang kayu pohon rambutan.

Ia bersabda kepada menteri,
Mamanda sekalian baik berhenti,
Rasaku ini sangatlah leti(h),
Carikan air mamanda Pati(h).

Mendengarkan kokok hayam di hutan,
Berbunyilah ia bersa(h)ut-sa(h)utan,
Seperti orang menegur Seri Pangeran,
Gundahlah ia tiada berketahuan.

Ingatlah adinda seri keinderaan,
Hatinya belas bercampur rawan,
Air matanya bercucuran,
Sebagai tidak lagi terjalan.

Pilu dan belas di dalam hati,
Bagaikan tidak terpandang lagi,
Segeralah b(er)oleh buah pauh janggi,
Aku nin hendak segera kembali.

Kembang pun mekar berpanjaran,
Ba[h]unya seperti ba[h]u perempuan,
Hatinya gundah tersangatlah rawan,
Hendaklah berbalik pada perasaan.

Lalu mengucap tiada berhenti,
Ia berkata di dalam hati,
Aduh dewa emas sekati,
Segeralah tuan kakang dapati.

Tuanku sekalian adik makota,
Adinda tinggal berdukacita,
136| Adu(h) gusti abang nin leta,
Kakang berjalan di dalam bercinta.

Jikalau tuan sama ke mari,
Barang yang ada hendak kuberi,
Tuanku seperti bidadari,
Dibuangkan rupanya kakang sendiri.

Dilihatnya kedayan Pangeran pun duka,
Terlalu belas sekalian kaka,
Ia bersabda serta berbeka,
Pangeran pun tersenyum sedikit juga.

Semuanya ramai suka tertawa,
Sekalian rakyat menteri penggawa,
Ada yang bermain cara dewa,
Sekaliannya mengiburkan Pangeran jua.

Tersebut pula dewa dewana,
Kata mala Betara Kesna,
Turunlah ia ke dalam dunia,
Jadi geroda mengelilingi dunia.

Disumpahi oleh Seri Keinderaan,
Menjadi raksasa geroda pahlawan,
Beribu keti raksasa di hutan,
Satu pun tiada yang kelihatan.

Geroda terlalu gagah dan sakti,
Ialah menunggu pohon pauh janggi,
Pergi berperang ke sana sini.
Supaya segera kembali ke negeri.

Beroleh putera *k.y.d.a.ng.n.*[75] puteri,
Beribu laksa tiada terperi,
Semuanya dimasukkan ke kandang besi,
Lain pula penggawa menteri.

Naga berbelit di kandang besi,
Gagahnya sangat terlalu sakti,
Sekalian binatang tiada berani,
Lalat dan nyamuk lagikan mati.

Beribu raksasa di luar pintu,
Disuruh keluar dari kota batu,
Ada puteri yang ketujuh itu,
Diangkat anak geroda Ratu.

Tersebutlah Pangeran lesu dan letih,
Tambahan bangun daripada sarih,
Diadap kedayan terlalu ramai,
Laksana orang menyudahkan kasih.

137| Pangeran bercerita kepada mamanda,
Mimpi nin apa ertinya juga,
Mimpi disiram air geliga,
Kelam-kabut tiada terhingga.

Setengah lagi berkata-kata,
Datanglah petang gelap-gelita,
Pangeran pun datang cumbu dewata,
Raksasa dan geroda datang memeta.

Sekalian rakyat terkejut belaka,[76]
Apa gerangan mula petaka,
Matilah kita di dalam rimba,
Sekonyong-konyong datang celaka.

Ramailah tangis penggawa menteri,
Kenapa gerang geroda sakti,
Datanglah kadar sekalian ini,
Pangeran pun sangat menaruh leti(h).

Tinggallah engkau anak dan bini,
Aku matilah sekali ini,
Isteriku tinggal mencari suami,
Siapa yang suka di kami ini.

Belas kasihan mendengarkan tentera,
Pangeran pun karam di dalam cinta,
Hendak melawan belum biasa,
Sudahlah untung perintah dewata.

Rakyat menteri penggawa terpisa(h),
Sekalian itu habis binasa,
Satu pun tidak yang sentosa,
Habis dimakan bota raksasa.

Lalu dimasukkan ke kandang besi,
Kunci diserahkan ketujuh puteri,
Anakku Puteri Kesuma Seri,
Baik-baik simpan anak kunci.

Jangan ditaruh ke sana sini,
Isinya hantu syaitan beroci,
Demi didengar ketujuh puteri,
Ia berbisik sama sendiri.

Kakang apa gerangan isi,
Sangat dilarangkan kandang besi,
Berbisik-bisik ketujuh puteri,
Isinya banyak syaitan berpeci.

Kakang sekalian apa bicara,
Kita nin hendak keluar segera,
138| Carikan akal tipu bicara,
Kerana kita di dalam penjara.

Tersebut pula puteri sekalian,
Yang ditinggalkan Seri Pangeran,
Kalbunya itu sangatlah rawan,
Dilipurkan dengan permainan.

Puteri sekalian berperi-peri,
Sindir bergurau sehari-hari,
Mengiburkan kalbu Permaisuri,
Joget dan tandak di dalam puri.

Berkata pula setengah puteri,
Pangeran itu belum kembali,
Selama ini cari pauh janggi,
Apa beristeri gerangan duli.

Ia berkata seraya tertawa,
Pauh janggi tiada terbawa,
Boleh puteri gadingan putera,
Kita sekalian sudahlah tua.

Di dalam ia berkata-kata,
Bagaikan titik airnya mata,
Di dalam kalbu tiadalah dua cinta,
Hanya Pangeran jua semata.

Lagi setengah bersuka-sukaan,
Permaisuri sakit dengan kedukaan,
Hendak berputera gerangan tuan,
Riuhlah-rendah puteri sekalian.

Riuh-rendah di dalam puri,
Setengah datang dari negeri,
Angin bertiup sehari-hari,
Riuhlah segala sekalian puteri.

Manalah redup tiada nyata segera,
Teja mengambang sangatlah cera(h),
Tiung dan bayan ia berbicara,
Seperti menggerakkan orang berputera.

Permaisuri berputera seorang laki-laki,
Rupanya elok tiada terperi,
Cahayanya terang di dalam puri,
Dikasih Sang Nata sekalian puteri.

Datanglah bini penggawa menteri,
Membawa penimbang tiada berhenti,
Penuh dan sesak di dalam puri,
Sang Nata jangan dikata lagi.

139| Segala anak menteri penggawa,
Diambil kedayan paduka cucunda,
Inang pengasuh sukalah kakanda,
Dipeluk dicium suka tertawa.

Lepas sehari kepada sehari,
Dipeliharakan nenek sekalian puteri,
Cerdiklah suda(h) Cahaya Negeri,
Pandai menambat kalbu tiada terperi.

Putih kuning warna gemilang,
Sedap manis bukan kepalang,
Patut dengan kalung dan gelang,
Barang yang memandang gila dan bimbang.

Ada berapa lama antara,
Dinamai nenda Cahaya Negara,[77]
Sekaliannya kasih sangatlah mesra,
Ia pun besar rupa manja putera.

Adapun Raden Cahaya Negeri,
Sehari-hari tiada sunyi,
Datang berhimpun dari sana sini,
Sekalian permainan dipelajari.

Bermain ia terlalu suka,
Bersorak-sorak seraya tertawa,
Bercerita anak menteri penggawa,
Permainan seperti Pangeran pula.

Sekalian orang berkata semuanya,
Sang Raden tiada ayahnya,
Jikalau datang Seri Makota,
Alangkan suka rasa kalbunya.

Raden pun diam tiada bersabda,
Ia berfikir di dalam dada,
Jadinya aku empunya bapa,
Baik kutanyakan kepada bonda.

Raden pun pulang ke dalam puri,
Bertanya kepada ibu sendiri,
Ayahanda ke mana bonda pergi,
Mengapa ayah tiada ke mari.

Segera dipeluk paduka anakanda,
Serta berhamburan airnya mata,
Tuan tiada empunya ayahanda,
Emas merah cahaya mata.

Nenda itulah ayahanda tuan,
Tanyakan kepada bonda sekalian,
140| Anakku jangan berhati rawan,
Matilah bonda di dalam percintaan.

Raden menangis di atas ribaan,
Bertanya kepada bonda sekalian,
Ke mana perginya ayahku tuan,
Mati hidupnya tiada keruan.

Mendengar kata anakanda tuan,
Puteri sekalian bertangis-tangisan,
Dipeluk dicium sekalian badan,
Bertanya kepada nenda tuan.

Datang menyembah sepuluh jari,
Kepada Sang Nata laki isteri,
Dipeluk dicium manis berseri,
Kasih dan sayang tiada terperi.

Ia pun bertanya kepada nenda,
Tuan katakan tempat ayahanda,
Baik jahat tuan bersabda,
Supaya senang hati cucunda.

Baginda mendengar laku terlalu kasihan,
Di dalam kalbu sangatlah rawan,
Ayahanda pergi tiada keruan,
Itulah datang cucuku tuan.

Di dalam berkata hatinya pilu,
Bagai dihiris dengan sembilu,
Ke mana nyawa puteraku itu,
Baru cucuku ia malu.

Ke mana ayahanda duli suarakan,
Apa dosanya maka demikian,
Kepada patik duli ceritakan,
Mana hidupnya supaya ketahuan.

Jikalau dikatakan tidak kembali,
Alangkan lama ayahanda pergi,
Supaya patik ada di sini,
Maka ayahanda membuangkan diri.

Sampai hatinya ayahanda gusti,
Meninggalkan rakyat isi negeri,
Salah kurang berpilu hati,
Anakanda pun turut kelakuan gusti.

Melihat cucu terlalu kasihan,
Dipeluk naik ke atas ribaan,
Tunduk menangis bagai pengsan,
Gundah pun tidak lagi perentian.

141| Raden berfikir seorang diri,
Ayahanda baik segera kucari,
Baiklah aku pergi mencari,
Bonda sekalian tiada memberi.

Bonda jangan sangat gadu(h)kan,
Anakanda hendak bermain ke taman,
Lalu dikawali puteri sekalian,
Sebentar tiada dicarikan.

Apa suda(h)nya yang demikian,
Baik juga kusamarkan,
Biar suka bonda yang sekalian,
Supaya aku boleh berbicaraan.

Raden tahu bersuka-sukaan,
Sekalian ibu marilah makan,
Anakanda lapar tiada tertahan,
Baharulah suka puteri sekalian.

Bonda sekalian marilah santap,
Serta berkata duduk mengadap,
Dayang duduk tertib dan sikap,
Serta kedayan bermain lengkap.

Itu pun masih cinta berahi,
Kepada ayahanda tidak terperi,
Disamarkan durja manis berseri,
Mengiburkan kalbu Bonda Suri.

Rasanya lesu sangatlah leti(h),
Lalulah ia pergi mandi,
Suda(h) mandi lalu memak(a)i,
Durjanya manis hai kekasi(h).

Berlancingan limar angkasa,
Berkampuh jingga warna kesumba,
Bersabuk warna bertulis naga,
Rupanya elok tiada terhingga.

Berkeris landin danta,
Berpemandak emas tatah permata,
Berkalung kana intan beranta,
Inda(h)nya tidak dapat dikata.

Bersunting bunga cempaka digubah,
Mangkin manis elok bertambah,
Suda(h)lah memakai cahaya bertambah,
Segala yang melihat rupanya gundah.

Parasnya indah terlalu menjelis,
Keningnya bagai awan ditulis,
142| Giginya hitam bibirnya manis,
Matanya balut bekas menangis.

Raden Cahaya Negeri berkata,
Terlalu hairan di dalam cinta,
Kakang we apa bicara kita,
Aku segera pergi jangan bercinta.

Tujuh tahun umur cucunda,
Terlalu kasih sekalian bonda,
Ditambahi inang dengan kakanda,
Serta pengasuh anak biduanda.

Mengadap nenda dua laki isteri,
Kepada bonda sekalian puteri,
Cucunda hendak pamit pergi,
Bermain-main di luar negeri.

Demi bonda mendengarkan kata,
Sekalian berhamburan air mata,
Ayuhai tuan cahaya mata,
Sampai hati cahaya makota.

Matilah nenda bonda sekalian,
Jikalau tuan masih berjalan,
Raden pun sangat terlalu rawan,
Hanya ayahanda yang kelihatan.

Putera ingsun batu kepala,
Marilah tuan makota bonda,
Tuan menjadi penawar yang mulia,
Me(ng)lenyapkan rindu di dalam dada.

Berdatang sembah sekalian kedayan,
Manakala tuanku berjalan,
Raden menyahut perlahan-lahan,
Nantilah sunyi jangan kelihatan.

Setelah malam suda(h)lah hari,
Berdiamlah nenda sekalian puteri,
Inang pengasuh seisi negeri,
Tiadalah ia khabarkan diri.

Tengah malam suda(h)lah sunyi,
Raden pun rawan tiada terperi,
Niatnya hendak pergi sendiri,
Dilihatnya kedayan ada di sisi.

Raden pun bangkit perlahan-lahan,
Ia keluar lalu berjalan,
Dilihat oleh ketuju(h) kedayan,
Ia pun segera mengikut berjalan.

143| Raden pun suda(h) keluar kota,
Diiringkan kedayan ketujuh serta,
Ia berfikir di dalam cinta,
Fajar menyingsing hampirkan nyata.

Burung berbunyi bersahut-sahutan,
Bercampur kokok ayam di hutan,
Dari kiri kanan jalan,
Seperti menegurkan orang berjalan.

Sampailah ia ke sebelah sana,
Cempaka berapit pohon angsana,
Kuntum dan kembang serba warna,
Berhentilah Raden muda teruna.

Hatiku pilu terlalu rawan,
Mendengarkan pungguk merindu bulan,
Berhenti dahulu kita berjalan,
Melepaskan lelah di tengah hutan.

Sangatlah lesu rasa anggota,
Raden pun baring di bawah genta,
Serta berlinang-linang airnya mata,
Kakang kedayan ke manalah kita.

Kakang we apa kalbuku rawan,
Kepada ayah bondaku tuan,
Kedayan menyahut perlahan-lahan,
Jikalau ada yang kesusahan.

Raden terkejut lalu berkata,
Terlalu hairan di dalam cinta,
Kakang we apa bicara kita,
Macan ini terlalu meta.

Ajaib sekali pemandangan mata,
Melainkan isyarat kepada dewata,
Setengah lagi berkata-kata,
Macan pun datang sangatlah meta.

Raden pun segera memegang senjata,
Berperanglah seketika kita,
Raden melompat segeralah serta,
Rupanya seperti intan permata.

Tikam-menikam terlalu gempar,
Bunyinya seperti guruh halilintar,
Pandainya sangat terlalu pintar,
Lakunya bagai perang yang besar.

Lalu dipancung dengan kelewang,
Ia pun mati suda(h) terlentang,
144| Asalnya dewa suda(h)lah pulang,
Tinggallah Raden cahaya gemilang.

Ia melihat terlalu kasihan,
Seraya berseru tiada kelihatan,
Akulah dewa menjadi macan,
Aku menerima kasihmu tuan.

Raden pun diam dengan kira-kira,
Ia pun mendengar bunyi suara,
Berjalan cucuku engkau segera,
Ia pun lama di dalam penjara.

Ingatlah engkau sambil berjalan,
Bahaya banyak tiada kelihatan,
Raksasa geroda sangat pahlawan,
Ayahmu lagi dengan kesakitan.

Sebab ayahmu meninggalkan negeri,
Ia mencari buah pauh janggi,
Mengidamkan engkau Permaisuri,
Itulah menjadi demikian ini.

Raden mendengar terlalu duka,
Sebagai makan garam dan cuka,
Kang sinuhun ampun beta,
Tuanku ganti ayah dan bonda.

Di mana tempat paduka ayahanda,
Tuanku katakan kepada beta,
Siang dan malam duduk bercinta,
Hanya ayahanda Seri Makota.

Tempatnya di mana tuan katakan,
Patik nin budak sangat *b.u.y.a.n.*,[78]
Di dalam kalbu minta segerakan,
Hanya ayahanda yang kelihatan.

Tempatnya itu sebelah wetan,
Ada geroda sangat gagah pahlawan,
Suda(h)lah nasib jadi tertawan,
Sebab saudara Ratu keinderaan.

Dilihatnya Raden pilu dan rawan,
Cucuku jangan sangat tangiskan,
Jangan sangat malu dan sopan,
Adatnya laki-laki bukan perempuan.

Banir-banir di tengah jalan,
Bencananya banyak kiri dan kanan,
Lengkapkan alat serta segerakan,
Di situlah banyak orang tertawan.

145| Ingat-ingat barang pekerjaan,
Sekaliannya habis dipesankan,
Aduh cucuku tinggallah tuan,
Inilah kuberi kesaktian.

Raden menyembah menjunjung duli,
Mengangkat tangan sepuluh jari,
Kang sinuhun suda(h) kembali,
Kita sekalian berangkat sekali.

Ia bangkit segera berjalan,
Lalu menuju sebelah wetan,
Tiada menoleh kiri dan kanan,
Hanya ayahanda yang dikenangkan.

Setelah Raden suda(h)lah pergi,
Bangunlah nenda sekalian puteri,
Serta dayang-dayang hadir di puri,
Inang pengasuh Cahaya Negeri.

Hari nin suda(h) tinggi hari,
Belum bangun tuanku ini,
Hilang bersungut seorang diri,
Membuka tirai kelambu jua ini.

Kelambu suda(h) dibukanya,
Bagaikan hilang rasa jiwanya,
Berdebar lenyap di dalam hatinya,
Dilihatnya tiada lagi tuannya.

Tunduk menyembah sepuluh jari,
Putera tuanku tiadalah lagi,
Menangis ia takut dan ngeri,
Mendapatkan nenda Bonda Suri.

Demi nenda mendengar sembah,
Serta berangkat menumbuk dada,
Aduh cucuku permai yang indah,
Sampailah hati meninggalkan bonda.

Permaisuri terlalu gundah,
Mengaruk mengempas-ngempas tiada menderita,
Adu(h) anakku cahaya makota,
Tuanku serahkan pada dewata.

Pangeran suda(h) meninggalkan negeri,
Anakku pula meninggalkan puri,
Tiada dapat lagi dicari,
Sunyilah kelak isi negeri.

Riuh gemuruh tangis di puri,
Peluk-memeluk sekalian puteri,
146| Terkenangkan putera kepada suami,
Lalu tiada khabarkan diri.

Gemparlah orang di dalam negeri,
Patih pun masuk berlari-lari,
Apakah mulanya yang demikian peri,
Sang Nata tidak khabarkan diri.

Berkatalah ia dayang andalan,
Ayo we kiai tiadalah ketahuan,
Putera sangulun suda(h)lah hilang,
Maka menjadi yang demikian.

Demi Patih mendengar haru-hara,
Segeralah keluar di dalam pura,
Menggerakkan menteri penggawa segera,
Serta dengan tangisnya lara.

Gemparlah sekalian isi negeri,
Bininya masuk berlari-lari,
Tua dan muda tiada terperi,
Lapang masuk ke dalam puri.

Di luar pintu hulubalang menteri,
Menengarkan titah Paduka Suri,
Gundah sangat Permaisuri,
Carikan cucuku Cahaya Negeri.

Hulubalang menteri menyembah segera,
Serta menggerakkan bala tentera,
Baik berjalan ke dalam rimba,
Carikan Raden Cahaya Negara.

Menteri penggawa segera berjalan,
Lalu masuk ke dalam hutan,
Tiadalah sempat minum dan makan,
Sebab mencari cucunda tuan.

Sampailah ke Daha semuanya tentera,
Lalu lintas ke paseban segera,
Ratu pun sedang diadap putera,
Penggawa pun datang tangisnya lara.

Ratu bertanya seraya tercengang,
Penggawa we apa mulanya gerang,
Sujud menyembah seraya memandang,
Cucu tuanku suda(h)lah hilang.

Demi Sang Nata mendengarkan kata,
Remuk-redam di dalam cinta,
Tunduk menangis Duli Sang Nata.
Tambahan Raden jangan dikata.

147| Pengalasan masuk ke dalam puri,
Seraya menyembah sepuluh jari,
Cucunda tiada lagi di negeri,
Hutan pun suda(h) genap dicari.

Demi didengar Permaisuri,
Mengaruk menangis tiada terperi,
Cucuku tuan Cahaya Negeri,
Pergi ke mana membuang diri.

Ramailah tangis tidak terperi,
Ratna Wilis hendak pergi,
Naik kuda[79] Cahaya Negeri,
Barang ke mana anakanda cari.

Apalah gerangan tuan belaka,
Jangan meninggalkan ayah dan kaka,
Selamanya baru merasai suka,
Datang pula mala[80] petaka.

Baharulah sedikit senang hati,
Puteraku pula sampai hati,
Susah nin tidak lagi berhenti,
Dari kuhidup baiklah mati.

Sujud menyembah paduka anakanda,
Pamit patik ayah dan bonda,
Jikalau tiada diberi ayahanda,
Matilah patik di dalam gunda(h).

Demi ayah bonda mendengar perkataan,
Dipeluk dicium seraya bertangisan,
Sampai hati puteraku tuan,
Meninggalkan ayah dengan kedukaan.

Ayahanda menangis seraya berkata,
Serta berhamburan air mata,
Jika demikian anakanda berkata,
Pergi kuserahkan kepada dewata.

Ayahanda tunduk kemalu-maluan,
Melihat laku anakanda tuan,
Ayahanda jangan sangatlah rawan,
Anakanda pergi tujuh bulan.

Raden menyembah seraya berjalan,
Diiringkan segala kedayan,
Lengkaplah alat serta pakaian,
Raden pun segera sampai ke hutan.

Mamanda ke mana kita berjalan,
Mencari anakanda tiada berketahuan,
148| Baik tuan sebelah kanan,
Ada bekas orang berjalan.

Ke manalah Cahaya segera berjalan,
Tiada tahu simpang daratan,
Kurangi tidur dengan makan,
Mencari anakanda kakanda tuan.

Tersebutlah perkataan Cahaya Negeri,
Cari-mencari tiada berhenti,
Ke mana hilang ayahku gusti,
Di mana tempat hidup dan mati.

Raden pun sampai ke sebelah wetan,
Lalu berhenti di bawah rambutan,
Seraya berkata kepada teman,
Apakah suda(h)nya kita sekalian.

Kedayan menyembah serta tertawanya,
Belas melihat kelakuannya,
Tuanku segera janganlah lenanya,
Serta mengiburkan kalbu tuannya.

Tengah Raden berkata-kata,
Lalu terpandang pohon laksana bota,
Rupanya indah eloknya serta,
Sekalian bunyinya ada di sana rata.

Puteri Rajaksa pula terpandang,
Wajahnya berseri gilang-gemilang,
Putih kuning sangat cemerlang,
Arwah Raden bagaikan hilang.

Terlebih daripada Sugarba Kesuma,
Durja seperti bulan purnama,
Isi udara tidaklah sama,
Emas merah Nila Utama.

Terpandang pula sebelah kiri,
Bangkai nin banyak tiada terperi,
Entahkan ratu, dewa, dan peri,
Sehingga mati tiada kembali.

Raden teringat pesan dewata,
Janganlah lupa hati dan mati,
Serta berjalan ia berkata,
Kakang sekalian berjalan rata.

Raden tersenyum seraya berkata,
Janganlah banyak pemandangan mata,
Jikalau mati sekalian kita,
Baik ingatkan pesan dewata.

149| Setelah Raden suda(h) berjalan,
Puteri memandang terlalu [k]hairan,
Puteri pun segera turun berjalan,
Serta melintas dari hadapan.

Rupanya seperti gambar wayang,
Lebih daripada dewa dan mambang,
Eloknya sangat gilang-gemilang,
Seperti intan yang amat cemerlang.

Raden memandang serta kira-kira,
Tunduk berjalan kedayan segera,
Di dalam hatinya siapa punya putera,
Mengingatkan pesan Betara Indera.

Puteri Rajaksa terlalu malu,
Sebab Raden tiada malu,
Menanggung malu hidup diriku,
Baik mati hancur nin lulu(h).

Ia pun menangis tiada berhenti,
Sangatlah pilu di dalam hati,
Tambahan malu serta berahi,
Hidup pun suda(h) serasa mati.

Tersebutlah pula Cahaya Negeri,
Tiada menole(h) kanan dan kiri,
Lepas daripada bencana puteri,
Sukalah sekalian Cahaya Negeri.

Kedayan tertawa seraya berkata,
Baharulah hidup sekalian kita,
Kalbu Raden amat gempita,
Sayangnya teringat pesan dewata.

Raden tersenyum seraya berkata,
Durjanya manis bagai dipeta,
Memberi ghairat kakang dan meta,
Siang tak dapat lagi dicita.

Kedayan tertawa suka berkata,
Sayanglah tuan Seri Makota,
Sedap manis bagai permata,
Patutlah mati peri dewata.

Raden pun sampai tiada berketahuan,
Hampir kepada kedua pahlawan,
Disangka jauh lagi jalan,
Sebab tiada yang kelihatan.

Padang ini apakah nama,
Alangkan ingin indah warna,
Kakang berhenti sebelah sana,
Inilah padang saujana.

Setengah lagi berkata-kata,
Sambil berjalan tanah yang rata,
Ular pun datang amat gempita,
Besarnya tiada menderita.

Raden berkata pada kedayan,
Apa mulanya yang sekalian,
Kasih nin tidak lagi berputusan,
Apa bicara kita sekalian.

Kedayan sekalian tunduk menyembah,
Mana perinta(h) tuan itulah,
Tiada patik hendak berubah,
Jahat dan baik biar samalah.

Jika begini rasaku kakang,
Baiklah kakang sekalian pulang,
Untungku ini sangatlah malang,
Tiada dapat berhati senang.

Kedayan menangis terlalu pilu,
Mendengar kata tuannya itu,
Bagai dihiris dengan sembilu,
Mati dan hidup bersama tuanku.

Jikalau demikian katamu kakang,
Menerima kasihlah serta sayang,
Tulus ikhlas jangan kepalang,
Mati dan hidup serta hilang.

Menyembah sekalian kakang kedayan,
Janganlah banyak tuan fikirkan,
Badan dan nyawa patik serahkan,
Ke bawah lebu duli telapakan.

Mangkin gagah sangat berani,
Ia bersuara ke sana sini,
Gemuruh bunyinya seperti *k.n.y.*,[81]
Raden terkejut apakah ini.

Raden melihat adalah bingung,
Sebab besarnya seperti gunung,
Matanya mencarang seperti belembung,
Serta mengerik mendorong-dorong.

Serta berfikir di dalam cinta,
Suda(h)lah untung nasibku juga,
Diriku hidup duka nestapa,
Baiklah mati di dalam rimba.

151| Ayo we bonda ayahku tuan,
Lihatlah puteramu yang demikian,
Duka nestapa sepanjang jalan,
Bila gerangan dipendapatkan tuan.

Raden berkata seraya bercucuran,
Rasa kalbunya bagaikan pengsan,
Dilihat oleh segala kedayan,
Air matanya sekalian berhamburan.

Sampailah hati ayahku tuan,
Putera nin besar di dalam hutan,
Matilah patik tiada berketahuan,
Bondaku tinggal dengan kedukaan.

Dikata oleh segala kedayan,
Tuanku mari kita melawan,
Baik jahat supaya keruan,
Kalau ada petolong Tuhan.

Daripada sangat mendapat segera,
Baiklah mati di rimba belantara,
Datanglah fikiran yang amat gembira,
Raden muafakat dengan segera.

Ular pun datanglah serta menggigit,
Raden gusar undur sedikit,
Macan menyelip kala[82] menyengit,
Datanglah gajah pula mengimpit.

Kedayan melihat tuannya sara,
Semuanya melompat dengan segera,
Mengunus keris dengan gembira,
Menyerbukan dirinya di dalam tentera.

Di dalam hatinya sangatlah garang,
Ada menikam ada yang memandang,
Matanya tidak sempat memandang,
Sebab melihat sekalian binatang.

Kedayan danta wira perwari,
Seraya mendekat Cahaya Negeri,
Amuknya tidak lagi terperi,
Macan lipan kapanlah lari.

Raden pun murka bukan kepalang,
Serta berangkat mengunus pedang,
Ular dan kala habis dicincang,
Lantas sampai ke sendi tulang.

Kala pun pulang memberitahu,
Kepada raksasa yang menunggu pintu,
152| Raksasa menyembah geroda satu,
Musuh nin ada di luar pintu.

Khabarnya gagah bukan kepalang,
Saktinya tidak membilang orang,
Kala nin habis dicincang walang,
Geroda pun murka bukan kepalang.

Gerakkan tentera sekalian binatang,
Serta rakyat dan hulubalang,
Setelah berhimpun di tengah padang,
Sorak gemuruh serta menentang.

Sekalian binatang datang menyerang,
Penuh sesak di tengah padang,
Di mana-mana sebagai datang,
Hanya Raden dulapan orang.

Beribu jenis binatang yang mati,
Raden memarang sehari-hari,
Tiada menoleh kanan dan kiri,
Usahkan kurang datang berlebi(h).

Raden pun hairan.memandang tentera,
Tiada lagi terkira-kira,
Lalu berhenti dengan segera,
Melepaskan lelah kedengan lara.

XI

Tersebutlah Raden Cahaya Kemala,
Mencari Raden Cahaya Negara,
Segenap negeri, hutan dan rimba,
Raden pun ada mendengar suara.

Suaranya riuh sangat gemuruh,
Bunyinya seperti batu roboh,
Raden bersabda apalah itu,
Kalau anakanda yang digeroboh.

Ia pun segera pergi menentang,
Dilihatnya ada suatu pedang,
Tiada kelihatan musuh dan orang,
Penuh sesak sekalian binatang.

Raden melihat diamat-amati,
Dilihatnya ada orang terdiri,
Serta segera Raden mendekati,
Raden pun serta mengampiri.

Raden tersenyum seraya bertanya,
Apa gerangan tuan mulanya,
Cahayanya tunduk serta tawanya,
Mencari ayah tuan mulanya.

153| Siapa nama ayah nin tuan,
Di mana tempat asal permulaan,
Asal patik dari Kuripan,
Nama ayah Seri Pangeran.

Demi didengar Cahaya Kemala,
Ada puteraku utama jiwa,
Peluk-memeluk ia pun berdua,
Aku nin putera di benua Daha.

Aduh kakanda Seri Indera,
Kasih dan sayang terlalu mesra,
Raden menangis seraya diriba,
Putera nin besar di dalam rimba.

Aduh anakku Cahaya Negeri,
Sampai hatinya Paduka Suri,
Puteraku sangat laranya diri,
Sekalian binatang pula menggari.

Tunduk menyahut kepilu-piluan,
Mamanda jangan tuan panjangkan,
Suda(h) nasib dengan perjanjian,
Itulah adat anak pahlawan.

Kedua lagi berkata-kata,
Kedayan datang persembahkan warna,
Aduh tuanku Seri Makota,
Raksasa banyak menyerang kita.

Ayo we mamanda tinggallah tuan,
Patik bermohon hendak berjalan,
Biar anakanda pergi melawan,
Baik dan jahat supaya keruan.

Jikalau anakanda suda(h)lah mati,
Mamanda pulanglah ke negeri,
Aturkan kepada Seri Bupati,
Ceritakan patik ke Bonda Suri.

Tunduk menangis kepilu-piluan,
Jangan berkata yang demikian,
Anakanda mamanda jadi kasihan,
Mati hidup mamanda turutkan.

Raden kedua suka tertawa,
Serta bangkit ia kedua,
Panah dan pedang kelewang dibawa,
Lalu mengusir satu sembawa.

Sekalian kedayan bersungguh hati,
Tiada ia khabarkan diri,
154| Amuknya tidak lagi berhenti,
Raksasa banyak mati dan lari.

Sangat perang dengan seketika,
Darah pun tumpah tiada berhingga,
Dalamnya tiada lagi terduga,
Berhentilah perang merasai dahaga.

Darah pun seperti segara,
Haiwan berenang sangat sengsara,
Banyak yang mati tiada terkira,
Sebab darah seperti segara.

Timbul tenggelam setengah binatang,
Yang lagi berenang setengah lagi menyeberang,
Banyak jenis jadi binatang,
Ada yang hidup segeralah datang.

Berperang suda(h) tujuh bulan,
Mangkin banyak isi hutan,
Kera dan tikus, babi, dan lipan,
Raden kedua terlalu [k]hairan.

Geroda Syah Peri terlalu sakti,
Tenteranya berperang tiada terperi,
Setelah malam suda(h)lah hari,
Berhentilah Raden Cahaya Negeri.

Kedua Raden muda terperi,
Kakang we apa bicara diri,
Musuh nin tidak lagi berhenti,
Habislah bulan hari berganti.

Anakanda bermimpi kejatuhan bintang,
Cahayanya penuh sangat cemerlang,
Seraya ia memeluk pinggang,
Tanyakan kepada segala kakang.

Kedayan menyembah sepuluh jari,
Suka tertawa manis berseri,
Kalau tuanku hendak beristeri,
Yang diangkat anak geroda Syah Peri.

Kedayan tertawa terlalu bahana,
Hari nin malam amat sempurna,
Bagilah kita setelah ke sana,
Melihat kembang kuntum di sana.

Kembang terkenan terlalu indah,
Ditaruhkan kepada jambangan perada[h],
Tujuh jambangan dilebihkan geroda[h],
Yang dipersihkan sudah.

155| Raden tersenyum terlalu suka,
Kakang nin pandai berjenaka,
Di dalam kalbunya berkenan juga,
Seraya berseri warnanya muka.

Raden pun sangat berhati bimbang,
Barang kerjanya tiadalah tamang,
Kakang we mari kita terbang,
Menjadi lalat ke dengan kumbang.

Raden bersabda manis berseri,
Mamanda mari kita pergi,
Bermain ke Taman Banjaran Sari,
Mengambil kembang pauh janggi.

Cahaya Kemala tersenyum seraya bermadah,
Anakanda bermain tuan perlelah,
Biar mamanda menunggu rumah,
Puteraku bermain tuan pergilah.

Tersebutlah pula ketuju(h) puteri,
Yang dikasihi geroda Syah Peri,
Bermainlah ia sehari-hari,
Kedengan anak penggawa menteri.

Yang bernama geroda Jaran Peri,
Itulah yang sangat ia dikasihi,
Rupanya indah sukar dicari,
Ialah diserahkan sekalian isi.

Puteri tu arif bijak bestari,
Barang maksudnya disuruh cari,
Seperti anak dijadikan sendiri,
Sekalian diserahkan Jana Seri.

Lemah lembut bukan kepalang,
Sekalian yang memandang kasih dan sayang,
Rupanya laksana gambar wayang,
Sedap manis gilang-gemilang.

Keduanya Puteri Kesuma Sari,
Itu pun dikasihi Syah Peri,
Ketiga Puteri Ratna Baiduri,
Rupanya elok manis berseri.

Empat Puteri Cahayanya Hairan,
Memberi gundah, bimbang dan rawan,
Keenam Puteri Mulia Bangsawan,
Ketujuh Puteri Lela Sawangan.

Parasnya pula baik lagi bangsawan,
Sangat dikasihi geroda pahlawan,
156| Senda bergurau puteri sekalian,
Barang yang kata dikeluarkan.

Puteri gambarkan Jana Seri,
Ia berkata manis berseri,
Ayo we Kesuma Sari,
Adinda nin apa pilu dan ngeri.

Ia berkata kepilu-piluan,
Belum pernah yang demikian,
Rasanya kalbu sangatlah rawan,
Seperti orang mabuk cendawan.

Puteri Ken Mawi seraya tertawa,
Kakanda ada mendengar wartanya,
Cahaya Negeri konon namanya,
Ia berperang mencari ayahnya.

Khabarnya baik bijak laksana,
Rupanya seperti Sang Rajuna,
Parasnya indah amat sempurna,
Barang yang melihat bimbang gulana.

Kakanda ini bijak bestari,
Nama orang dibawa ke mari,
Di mana mendengar wartanya diri,
Kalau diketahui geroda Syah Peri.

Suka tertawa sekalian puteri,
Mendengarkan Mawi berperi,
Putera orang tiadakan sudi,
Kerana kita orang pergi.

Ke mana lagi hendak dikarang,
Sebab itulah warna berperang,
Jikalau kalah ini sekarang,
Bukannya takut diperhambakan orang.

Ia berkata seraya terkenang,
Air matanya berlinang-linang,
Segeralah tunduk Puteri Ken Mayang,
Disamarkan santap sirih dan pinang.

Raden mendengar ia berkata,
Terlalu belas di dalam cita,
Emas merah ratna juita,
Jangan demikian tuan berkata.

Lalat terbang hinggap ke tangan,
Lakunya itu seperti orang,
Ditepiskan puteri ia terbang,
Sebentar hinggap pula di pinggang.

157| Puteri gemar terlalu hairan,
Lalat apa yang demikian,
Masih menyingkap sekalian badan,
Tiada kurang yang dimakan.

Sebentar hinggap pula di kiri,
Indah warnanya lagi berseri,
Hendak ditangkap lalat pun lari,
Terlalu hairan kalbu tuan puteri.

Hari pun malam disinar bulan,
Gambar kencana terlalu rawan,
Rasa kalbunya kepilu-piluan,
Lalu masuk ke dalam peraduan.

Suda(h)lah bermain sekalian puteri,
Sekaliannya rawan tidak terperi,
Setengah terkenang untung sendiri,
Masing-masing berdiam diri.

Suda(h) beradu sekalian puteri,
Lalat bertanya Kembang Sari,
Seraya tersenyum manis berseri,
Bagaimana kakang membujuk isteri.

Kakanglah beri beta dahulu,
Jikalau orang tiada malu,
Jika perempuan yang baik semu,
Bukan takut beroleh malu.

Kedayan tertawa seraya berencana,
Tuanku ini bijak laksana,
Sukar dicari banding sentana,
Lagipun arif amat sempurna.

Lalat pun suda(h) membalikkan diri,
Seperti rupa yang bahari,
Serta masuk tempat tuan puteri,
Raden pun duduk sebelah kiri.

Melihat Puteri Kencana Seri,
Arwah melayang semangat berahi,
Raden pun tiada lagi terperi,
Ia berangkat mengadap puteri.

Emas merah sampun bandu,
Bangunlah tuan dari beradu,
Kakanda datang menyerahkan ulu,
Mengaturkan salah pada tuanku.

Aria ningsun ratna tempawan,
Emas merah bangunlah tuan,
158| Digosok habis sekalian badan,
Raden menangis dengan perlahan.

Puteri terkejut bukakan matanya,
Melihat orang ada di sisinya,
Ia pun tunduk seraya bertanya,
Siapakah ini dengan marahnya.

Raden menyahut dengan perlahan-lahan,
Kakanda inilah orang yang rawan,
Tersenyum manis raja bangsawan,
Ke mari minta diperhambakan.

Aria ningsun emas jauhari,
Kakanda datang menyerahkan diri,
Jikalau tidak tuan kasihi,
Matilah pakulun di dalam puri.

Jiwa pun kakang marilah duduk,
Seraya berkata pinggang dipeluk,
Seri istana durja yang elok,
Kalbu kakanda suda(h)lah mabuk.

Puteri pun diam tiada berkata,
Sungguh berendam air mata,
Adalah leti(h) di dalam cinta,
Menjadi susah rasa anggota.

Ayahanda jangan sangat dikenang,
Suda(h)lah nasib untung yang malang,
Tuan bersuami orang yang kurang,
Raden terkenang seraya berlinang.

Jika ada ayah dan bonda,
Masa demikian laku yang ada,
Demi menentang paras yang indah,
Sekalian fikiran hilanglah suda(h).

Belas dan kasih tuan puteri,
Melihat laku Cahaya Negeri,
Bertukar kasih di dalam puri,
Seraya membujuk sepah diberi.

Setelah suda(h) bertukar kasih,
Raden bercerita kepada isteri,
Ayahanda ada di gedung besi,
Tujuh lapis kunci diberi.

Puteri pun belas bukan kepalang,
Seraya menurut kata pun kakang,
Tuanku jangan sangatlah walang,
Kunci nin ada adinda pegang.

159| Raden tersenyum seraya bersabda,
Kasih sungguh nyawa kakanda,
Seraya tunduk memeluk adinda,
Remuklah redam di dalam dada.

Hari nin siang hampirkan nyata,
Tinggallah tuan dewa makota,
Tuan serahkan kepada dewata,
Supaya tetap di dalam cinta.

Pamit pakulun kakanda pulang,
Seraya bertukar kain di pinggang,[83]
Puteri menangis tunduk berlinang,
Baik tuan melayang.

Aduh tuan tinggallah diri,
Kakanda tuan hendak pergi,
Seraya mencabut cincin di jari,
Jika tak mati kakang ke mari.

Puteri mendengar terlalu hairan,
Seraya tunduk kepilu-piluan,
Tiada bekas gerangan tuan,
Meninggalkan patik yang demikian.

Demi Raden mendengar sabda,
Menarik nafas di dalam dada,
Jikalau ada hayat kakanda,
Masakan hilang kasih adinda.

Fajar menyingsing hampir siang,
Raden memeluk paras gemilang,
Mengiburkan kalbu serta siang,
Kakanda hendak segera melayang.

Tuanku ini penuh kesaktian,
Serta tunduk kemalu-maluan,
Cepu manik tempat bersimpan,
Barang yang dicita ada sekalian.

Pedang[84] jangan tuan permudahkan,
Inilah kesaktian geroda pahlawan,
Barang yang memakai tidak kelihatan,
Ayahanda baik segera didapatkan.

Tuanku jangan bimbang gulana,
Sebarang kerja janganlah lena,
Haiwan banyak yang bijaksana,
Seribu rupa ada di sana.

Puteri berkata tiada berhenti,
Ayahanda lama di kandang besi,
Jahat baik supaya pasti,
Sebarang kerja baiklah gusti.

Di mana boleh yang demikian ada,
Seraya dipeluk paduka adinda,
Tuan inilah penawar yang mulia ada,
Terlalu kasih kepada ayahanda.

Dipeluk dicium sekalian badan,
Emas merah tinggallah tuan,
Mohonkan doa kepada tuan,
Supaya tetap kakang berjalan.

Aria ningsun cahayaku tuan,
Kasih sungguh rupanya tuan,
Jiwa kakanda tinggallah badan,
Pamitlah kakang segera berjalan.

Lalu berjumpa Seri Kembang,
Kakang we segera kita terbang,
Seraya tersenyum pucat gemilang,
Hari nin suda(h) hampir kan siang.

Terbang tiada berapa lama di sana,
Raden pun sampai ke istana,
Mamanda dan kedayan lengkap di istana,
Tempatnya itu di padang saujana.

Lalu mengunus cincin di jari,
Dijatuhkan jadi sebuah negeri,
Lengkap dengan balairung seri,
Serta istana intan baiduri.

Tambahan lengkap sekalian bala,
Beribu keti menteri penggawa,
Lain pula anak raja-raja,
Penuh dan sesak tiada terbawa.

Gemuruh sorak tentera negeri,
Serta berbunyi kecapi muri,
Tinggallah kerajaan lengkap terdiri,
Gemparlah rakyat tiada terperi.

Sehari-hari persalin pun datang,
Persantapan nikmat kedengan kembang,
Di hadapan raja menteri hulubalang,
Sekalian bercakap hendak berperang.

Setelah lengkap alat negeri,
Raden berfikir seorang diri,
Ayahanda baik segera dicari,
Biar dilihat isi negeri.

161| Raden mengerling tiga orang,
Seraya menjadikan dirinya kumbang,
Tiada dilihat sekalian binatang,
Kunci pintu segera dipegang.

Dibukanya kunci kota batu,
Isinya banyak bukan suatu,
Beribu keti menteri dan ratu,
Datangnya ada kanjaran suatu.

Raden pun hairan serta dibuka,
Dilihatnya hanya seorang jua,
Inilah gerangan paduka ayahanda,
Lalu sujud hendak dibawa.

Demi dilihat menteri dan ratu,
Sekaliannya sujud hendak menyilu,
Mati hidup paduka tuanku,
Patik nin dagang lagi piatu.

Setengah berkata kepilu-piluan,
Serta air matanya bercucuran,
Jika ada belas dan kasihan,
Patik hendak menurutkan tuan.

Serta berfikir di dalam cinta,
Suda(h)lah nasib badan yang leta,
Hilanglah sudah kepada anggota,
Sekalian suda(h) perintah dewata.

Raden pun lalu belas dan kasihan,
Mendengar kata ratu sekalian,
Seraya bersabda Raden bangsawan,
Baiklah berangkat kita sekalian.

Riuh-rendah di dalamnya itu,
Lalu didengar penunggu pintu,
Apalah gerangan demikian itu,
Bukankah pencuri masuk itu.

Demi dilihat penunggu pintu,
Nyatalah pencuri di dalam itu,
Ia pun segera memberitahu,
Serta memanggil rakyat beribu.

Baik-baik kakang menumpang,
Biarlah aku tinggal seorang,
Setelah suruhan suda(h)lah pulang,
Tersebutlah raksasa dan hulubalang.

Raden mendengar segeralah kakang,
Sekaliannya itu bawa pulang,
162| Berkatalah raksasa yang amat garang,
Marilah kita menangkap orang.

Binatang banyak tiada terperi,
Hendak menangkap Cahaya Negeri,
Tangkap-menangkap sama sendiri,
Raden pun ada ia terdiri.

Sekaliannya itu terlalu [k]hairan,
Demi ditangkap tiada kelihatan,
Berkatalah ia geroda pahlawan,
Ratu dan menteri suruh keluarkan.

Segala Ratu di gedung besi,
Serta dikeluarkan geroda Syah Peri,
Disuruh menangkap Cahaya Negeri,
Kedengan segera bawa ke mari.

Adapun Ratu Anom Bestari,
Dengan segera berlari-lari,
Hendak menangkap Cahaya Negeri,
Serta mengamuk menyerbukan diri.

Lebu duli gelap-gelita,
Berperang tidak menderita,
Berpanjaran kilat senjata,
Dengan sorak gegak-gempita.

Sungguh Raden seorang diri,
Ia memarang ke kanan dan ke kiri,
Beribu laksa banyak yang mati,
Darah pun tumpah tiada terperi.

Demi hari suda(h)lah petang,
Baharulah berhenti orang berperang,
Setelah suda(h) Raden pun pulang,
Dilihatnya ayahanda masih te[r]lentang.

Ratu pun tiada khabarkan diri,
Ditangisi seisi[85] puri,
Kedayan lengkap kanan dan kiri,
Serta tangis Cahaya Negeri.

Setelah dilihat Cahaya Negeri,
Ayahanda belum khabarkan diri,
Segera dipeluk segera ditangisi,
Belas kasihan tiada terperi.

Suda(h)lah nasib celaka badan,
Meninggalkan bonda ayah sekian,
Sampai hati rupanya tuan,
Raden pun rebah lalu pengsan.

163| Riuh-rendah di dalam negeri,
Tangis pun tidak lagi terperi,
Sekaliannya belaskan Cahaya Negeri,
Air mawar segera dicucuri.

Raden pun bangun perlahan-lahan,
Ia pun menoleh kepada teman,
Apa kesudahan yang demikian,
Mamanda mari kita melawan.

Setelah hari suda(h)lah pagi,
Kedengaran sorak tidak terperi,
Gagah melompat di luar negeri,
Serta ditentang geroda Syah Peri.

Raden pun geram[86] bukan kepalang,
Mendengar sorak geroda yang garang,
Segera mengambil panah kelewang,
Kakang we bawa segeralah pedang.

Setelah berjalan Raden kedua,
Minta gajah kedengan kuda,
Alat kerajaan tentera semua,
Payung terkembang intan perada.

Demi dilihat geroda yang sakti,
Ia pun segera mendekati,
Serta rakyat beribu keti,
Amuknya tidak lagi berhenti.

Ada yang memanah ada yang mem[an](e)dang,
Ada yang mancung dengan kelewang,
Matanya tidak sempat memandang,
Sebab tak tahu musuh dan rawang.

Raden kedua berusir-usiran,
Serta berjumpa geroda pahlawan,
Menaruh gundah dirinya sekian,
Keduanya sama mengadu kesaktian.

Raden memanah geroda menyambar,
Perangnya itu sasar-menyasar,
Geroda merasai sukar,
Raden pun jatuh dalam belukar.

Baharulah ingat pesan tuan puteri,
Tempat kematian geroda Syah Peri,
Raden melayang sangat terdiri,
Rupanya seperti si rajawali.

Sulang-menyulang tiadalah gentar,
Kilat[87] dan guruh serta tagar,
164| Gelap-gelita kilat halilintar,
Banyak yang mati tiadalah khabar.

Datanglah kudrat dengan bilangan,
Raden memancung kedengan pedang,
Geroda rebah mati te[r]lentang,
Sekalian yang memandang hairan tercengang.

Geroda pun pulang menjadi dewa,
Ia mencerita seraya tertawa,
Ayo we cucuku cahaya kedua,
Menerima kasihlah utama jiwa.

Tinggallah bala tentera sekalian,
Segala puteri minta kasihan,
Anak ambillah olehmu tuan,
Akulah hendak pulang keinderaan.

Kang sinuhun ampuni tuan,
Jikalau ada belas dan kasihan,
Ayah patik minta dihidupkan,
Supaya hilang kalbu yang rawan.

Oleh bernama Seri Keinderaan,
Hiduplah Inu ing Kuripan,
Selamat sempurna dengan kesukaan,
Gagah sekali atas kerajaan.

Pulanglah suda(h) geroda yang garang,
Tersebut pula orang berperang,
Dilihatnya geroda mati te[r]lentang,
Sekaliannya takut hairan tercengang.

Setelah dilihat para tanya,
Sekalian segera membuang senjata,
Tunduk khidmat ke bawah takhta,
Ampuni tuanku Seri Makota.

Janganlah tuan sekaliannya walang,
Seraya tersenyum Raden memandang,
Perbaiki menteri dan hulubalang,
Serta sorak, gong dan gendang.

Lakunya seperti orang berperang,
Baharulah hidup kita sekarang,
Serta mengiring dari belakang,
Soraknya bukan alang-kepalang.

Raden tertawa seraya berjalan,
Diiringkan tentera rakyat sekalian,
Mendapati isterinya yang setiawan,
Ia pun serta puteri nin tuan.

165| Puteri setengah lagi peri-peri,
Datanglah Raden Cahaya Negeri,
Serta duduk mendekati isteri,
Durja yang manis senyum berseri.

Aria ningsun jiwaku tuan,
Lama kakanda meninggalkan,
Mengerling kepada puteri sekalian,
Tunduk tersenyum durja bangsawan.

Segala puteri tunduk kemalu-maluan,
Rupanya bagai bunga setaman,
Sedap manis tiada berlawan,
Memberi asyik hati yang rawan.

Raden tersenyum seraya berkata,
Aria ningsun ratna juita,
Berselampailah tuan sekalian harta,
Ayahanda menanti di luar kota.

Aria ningsun emas tempawan,
Mendapatkan ayahanda Seri Pangeran,
Janganlah sangat pilu dan rawan,
Baiklah kita segera berjalan.

Tersebutlah pulak Seri Pangeran,
Ia pun bangun daripada pengsan,
Seraya menoleh kiri dan kanan,
Disangka isteri sekalian.

Menteri menyembah sepuluh jari,
Putera tuanku Cahaya Negeri,
Indah buah pauh janggi,
Tiada teringat gerangan duli.

Kedua Raden Cahaya Sari,
Ialah membunuh geroda Syah Peri,
Ia menunggu dari buri,
Dengan anakanda Cahaya Negeri.

Setengah lagi berperi-peri,
Datanglah kedua Cahaya Negeri,
Pangeran bangkit segera berdiri,
Raden pun sujud menyembah sepuluh jari.

Aduh puteraku Cahaya Negara,
Tulus kasihku dengan mesra,
Besar puteraku di dalam rimba,
Mencari ayahanda teraba-raba.

Ayo we anakanda Kemala tuan,
Besarlah badan di dalam hutan,
166| Dipeluk dicium sekalian badan,
Menanggung kasih kakanda nin tuan.

Apalah khabar negeri Kuripan,
Adinda di mana tuan tinggalkan,
Serta air matanya bercucuran,
Raden pun tunduk bertangisan.

Raden kedua belas dan kasihan,
Melihat laku Seri Pangeran,
Sesal nin jangan tuan panjangkan,
Suda(h)lah untung kita sekalian.

Setelah suda(h) berperi-peri,
Disuruh bersiap[88] sekalian puteri,
Esoklah kita pulang ke negeri,
Mendapatkan ayahanda bonda suri.

Setelah berapa lama antara,
Baginda pun hendak pulang segera,
Serta Raden Cahaya Negara,
Kedua Raden Cahaya Kemala.

Puteri sekalian suda(h) bersimpan,
Masuklah kerubung bertulis awan,
Suruhlah bawa segala kedayan,
Serta penggawa menteri sekalian.

Setelah sampai baginda ke Kuripan,
Tetaplah baginda memerintah kerajaan,
Laki isteri berkasih-kasihan,
Bujuk dan cumbu tiada berputusan.

Sang Nata Daha sampailah tuan,
Sentiasa duduk dengan percintaan,
